05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun

PENILAIAN PELAKSANAAN KOMUNITI PEMBELAJARAN PROFESIONAL GURU MATEMATIK SEKOLAH RENDAH

GOWRI A/P TANASYGRAN

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENILAIAN PELAKSANAAN KOMUNITI PEMBELAJARAN PROFESIONAL GURU MATEMATIK SEKOLAH RENDAH

GOWRI A/P TANASYGRAN

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MATEMATIK SEKOLAH RENDAH)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)

FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SI/IPS-3/BO 32

Pind : 00 m/s: 1/1

Sila tanda (√)	
Kertas Projek	
Sarjana Penyelidikan	
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus	√
Doktor Falsafah	

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 08 JULAI 2025

i. Perakuan pelajar :

Saya, GOWRI A/P TANASYGRAN / M20191OOO241/ FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA dengan ini mengaku bahawa disertasi yang bertajuk PENILAIAN PELAKSANAAN KOMUNITI PEMBELAJARAN PROFESIONAL GURU MATEMATIK SEKOLAH RENDAH adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

T. Ghazali

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, DR NOR HASNIDA BINTI CHE MD GHAZALI mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajukkan PELAKSANAAN KOMUNITI PEMBELAJARAN PROFESIONAL GURU MATEMATIK SEKOLAH RENDAH dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah SARJANA PENDIDIKAN MATEMATIK

10 JULAI 2025

Tarikh

Tandatangan Penyelia

Assoc. Prof Dr Nor Hasnida Che Md Ghazali
Senior Lecturer
Faculty of Human Development
Universiti Pendidikan Sultan Idris

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

UPSI/IPS-3/BO 31
Rev: 01 /Jul 11

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / *Title:* PENILAIAN PELAKSANAAN KOMUNITI PEMBELAJARAN PROFESIONAL GURU MATEMATIK SEKOLAH RENDAH DI PETALING PERDANA

No. Matrik /*Matric's No.* M20191000241

Saya / *I:* GOWRI A/P TANASYGRAN
(Nama penuh / *Student's Name*)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
   The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
   Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
   The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (√) bagi pilihan kategori di bawah / *Please tick (√) for category below:-*

☐ **SULIT/*CONFIDENTIAL*** — Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / *Contains confidential information under the Official Secret Act 1972.*

☐ **TERHAD/*RESTRICTED*** — Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / *Contains restricted information as specified by the organization where research was done.*

☑ **TIDAK TERHAD / *OPEN ACCESS***

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

Tarikh: 10 JULAI 2025

(Tandatangan Penyelia / *Signature of Supervisor*)
& (Nama & Cop Rasmi / *Name & Official Stamp*)

Assoc. Prof Dr Nor Hasnida Che Md Ghazali
Senior Lecturer
Faculty of Human Development
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT** @ **TERHAD**, sila lampirkan surat dari pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan kerana dengan izin dan kurniaNya, saya telah dapat menyiapkan disertasi ini. Usaha ini mungkin susah untuk sampai ke penghujungnya tanpa bantuan, sokongan, semangat dan kerjasama dari semua pihak yang terlibat. Sepanjang perjalanan pengajian ini, saya amat bertuah kerana dipertemukan dengan insan-insan yang berhati mulia bermula dari saat melaporkan diri sehinggalah ke saat akhir menyerahkan disertasi. Ucapan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia saya, Dr Nor Hasnida Binti Che Md Ghazali di atas tunjuk ajar dan segala keprihatinan beliau sepanjang perjalanan menyiapkan disertasi ini. Hanya tuhan sahaja yang mampu membalas segala jasa baik Dr dalam usaha membantu saya menamatkan pengajian sarjana ini. Terima kasih juga saya tujukan kepada Institut Pengajian Siswazah (IPS), Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Perdana dan sekolah-sekolah di daerah Petaling Perdana yang telah memberi peluang kepada saya untuk menjalankan kajian ini. Akhir sekali penghargaan ini adalah kepada suami serta keluarga kedua-dua belah yang dikasihi, komitmen dan galakkan kalian semua adalah pencetus semangat dan kekuatan kepada saya untuk menghabiskan pengajian sarjana ini. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa memberi panduan, perkongsian dan galakan sepanjang penulisan tesis ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk menilai sejauh mana pelaksanaan Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) di sekolah rendah daerah Petaling Perdana dalam kalangan guru matematik. Penyelidik menggunakan Model Penilaian KIPP Stufflebeam dalam mengkaji persepsi guru terhadap dimensi konteks, input, proses, dan produk. Bahkan, kajian turut mengenal pasti saling perhubungan antara setiap dimensi penilaian, sumbangan pengaruh dimensi penilaian konteks, input, dan proses ke atas dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan KPP serta peramal terbaik bagi dimensi penilaian konteks, input, dan proses untuk dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan KPP. Kajian ini melibatkan seramai 234 orang guru Matematik daripada 89 buah sekolah rendah di Daerah Petaling Perdana. Instrumen kajian merupakan borang soal selidik yang mengandungi lima bahagian, iaitu demografi, konteks, input, proses dan produk. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS Versi 27.0 menggunakan analisis deskriptif dan inferensi. Analisis deskriptif menjelaskan tahap persepsi guru dengan menggunakan peratus, sisihan piawai dan min manakala statistik inferensi pula melibatkan korelasi dan ujian regreasi berganda. Dapatan kajian secara keseluruhannya menunjukkan persepsi guru terhadap pelaksanaan KPP berada pada tahap tinggi dimana nilai min 3.880 hingga 4.210 manakala nilai sisihan piawai diantara 0.764 hingga 0.968. Terdapat hubungan yang signifikan, positif dan kuat antara dimensi-dimensi-dimensi dengan nilai *r* diantara 0.489 hingga 0.738 dimana nilai *r > 0.50* dianggap hubungan yang kuat. Ujian regresi berganda, menunjukkan dimensi penilaian konteks, dimensi penilaian input dan dimensi penilaian proses mempengaruhi dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan KPP. Dengan itu, dapatlah disimpulkan bahawa dimensi penilaian input merupakan peramal terbaik untuk dimensi penilaian produk. Kesimpulannya, para guru harus memahami, memberikan komitmen yang tinggi dan memainkan peranan yang penting dalam melaksanakan amalan KPP bagi meningkatkan kualiti profesion perguruan.Implikasi kajian ini mencadangkan bahawa amalan kolaboratif dalam kalangan guru dapat menggalakkan pertukaran pandangan, perkongsian bahan pengajaran, serta kerjasama dalam merancang dan melaksanakan aktiviti pembelajaran yang lebih berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

AN EVALUATION OF PROFESSIONAL LEARNING COMMUNITY IMPLEMENTATION AMONG PRIMARY MATHEMATICS TEACHERS

ABSTRACT

This study was conducted to evaluate the extent of Professional Learning Community (PLC) implementation among Mathematics teachers in primary schools within the Petaling Perdana district. The researcher employed Stufflebeam's CIPP Evaluation Model to examine teachers' perceptions of the context, input, process, and product dimensions. The study also aimed to identify the interrelationships among these evaluation dimensions, the influence of context, input, and process dimensions on the product dimension in the implementation of PLC, as well as to determine the best predictor for the product dimension. A total of 234 Mathematics teachers from 89 primary schools in the Petaling Perdana district participated in the study. The research instrument used was a questionnaire comprising five sections: demographics, context, input, process, and product. Data were analysed using SPSS Version 27.0, employing both descriptive and inferential statistics. Descriptive analysis illustrated teachers' perception levels using percentages, standard deviations, and means, while inferential analysis involved correlation and multiple regression tests. Overall, the findings indicated that teachers' perceptions of PLC implementation were at a high level, with mean scores ranging from 3.880 to 4.210 and standard deviations between 0.764 and 0.968. Significant, positive, and strong relationships were found among the dimensions, with correlation coefficients *r* from 0.489 to 0.738 where $r > 0.50$ are considered strong. Multiple regression analysis revealed that the context, input, and process dimensions significantly influenced the product dimension, with the input dimension emerging as the best predictor of the product dimension. In conclusion, teachers must understand, commit to, and actively engage in PLC practices to enhance the quality of the teaching profession. The study's implications suggest that collaborative practices among teachers can foster the exchange of ideas, sharing of teaching resources, and cooperation in planning and implementing more effective learning activities.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KANDUNGAN

		Muka Surat
PERAKUAN		ii
PENGESAHAN PENYERAHAN		iii
PENGHARGAAN		iv
ABSTRAK		v
ABSTRACT		vi
KANDUNGAN		vii
SENARAI JADUAL		viii
SENARAI RAJAH		xii
SENARAI SINGKATAN		xiv
BAB 1 PENGENALAN		
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Pernyataan Masalah	9
1.4	Objektif Kajian	15
1.5	Persoalan Kajian	18
1.6	Hipotesis Kajian	20
1.7	Kerangka Konseptual Kajian	21
1.8	Definisi Operasional	26
1.9	Batasan Kajian	31

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.10 Kepentingan Kajian 32

1.11 Rumusan 33

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan 34

2.2 Komuniti Pembelajaran Profesional 35

2.2.1 Amalan KPP dalam Pendidikan Sekolah 38

2.2.2 Konsep KPP Sebelum Tahun 2000 40

2.2.3 Konsep KPP Selepas Tahun 2000 40

2.3 Model dan Teori yang Mendasari Kajian 41

2.3.1 Model KPP (1998) 41

2.3.2 Teori Senge (1990) 43

2.3.3 Teori Perkembangan Sosial Vygotsky (1989) 44

2.4 Penilaian 45

2.4.1 Penilaian Program 47

2.4.2 Pendekatan dan Model Penilaian 49

2.4.2.1 Pendekatan Berorientasikan Objektif 50

2.4.2.2 Pendekatan Berorientasikan Penyertaan 51

2.4.2.3 Pendekatan Berorientasikan Keputusan 52

2.5 Model Penilaian KIPP 54

2.5.1 Dimensi Penilaian Konteks 55

2.5.2 Dimensi Penilaian Input 56

2.5.3 Dimensi Penilaian Proses 56

2.5.4 Dimensi Penilaian Produk 57

2.6 Konstruk Dalam Kajian 59

2.7 Kajian-kajian Lepas 65

2.8 Rumusan 67

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan 69

3.2 Reka Bentuk Kajian 70

3.3 Populasi dan Sampel Kajian 71

3.3.1 Populasi 71

3.3.2 Sampel kajian 72

3.3.3 Kaedah Persampelan 73

3.4 Instrumen Kajian 74

3.5 Kesahan Instrumen Kajian 78

3.6 Kebolehpercayaan Instrumen Kajian 82

3.7 Kajian Rintis 85

3.7.1 Dapatan Kajian Rintis 86

3.8 Tatacara Pengumpulan Data Kajian 94

3.9 Kaedah Analisis Data 95

3.10 Rumusan 98

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan 99

4.2 Analisis Profil Responden 100

4.2.1 Jantina 100

4.2.2 Pengalaman Mengajar 101

4.2.3 Tahap Pendidikan 101

4.2.3 Lokasi Sekolah 102

4.3 Analisis Dapatan Kajian 103

4.3.1 Dimensi Penilaian Konteks 103

4.3.2 Dimensi Penilaian Input 106

4.3.3 Dimensi Penilaian Proses 111

4.3.4 Dimensi Penilaian Produk 117

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.5 Pengujian Hipotesis 120

4.3.6 Kesimpulan Hipotesis Kajian 128

4.4 Rumusan 129

BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pendahuluan 130

5.2 Ringkasan Kajian 130

5.3 Perbincangan Kajian 131

5.3.1 Persoalan Kajian 1 132

5.3.2 Persoalan Kajian 2 133

5.3.3 Persoalan Kajian 3 136

5.3.4 Persoalan Kajian 4 140

5.3.5 Persoalan Kajian 5 142

5.3.6 Persoalan Kajian 6 dan & 7 148

5.4 Implikasi Kajian 153

5.4.1 Implikasi Teori 153

5.4.2 Implikasi Praktis 155

5.5 Cadangan Kajian 157

5.6 Rumusan 158

RUJUKAN 159

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Pendekatan Dan Model-model Penilaian	50
2.2	Skop Model Penilaian KIPP	58
3.1	Jumlah Populasi dan Sampel	73
3.2	Taburan Item Mengikut Konstruk	77
3.3	Skala Likert Lima Mata	78
3.4	Panel Pakar Penilai Reka Bentuk Instrumen Kajian	80
3.5	Nilai Pekali Alpha	84
3.6	Pekali skewnees dan kurtosis	87
3.7	Nilai pekali alfa yang diperolehi dari kajian rintis yang telah dijalankan	90
3.8	4 Dimensi Penilaian KIPP dan Komponen	92
3.9	Ringkasan Penganalisisan Data Soal Selidik	95
3.10	Jadual Interpretasi Skor Min	97
3.11	Kekuatan hubungan skala C.M dan Marrison (2011)	97
4.1	Jadual Responden mengikut jantina	100
4.2	Jadual responden mengikut pengalaman mengajar	101
4.3	Jadual responden mengikut tahap pendidikan	102
4.4	Jadual responden mengikut lokasi sekolah	102
4.5	Persepsi guru terhadap pelaksanaan KPP dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan	104

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.6	Persepsi Guru Terhadap Pelaksanaan KPP Dengan Prinsip Program Tranformasi Kerajaan (GTP)	105
4.7	Persepsi guru terhadap Perkongsian Kepimpinan	107
4.8	Persepsi guru terhadap perkongsian nilai, matlamat, visi dan misi	108
4.9	Persepsi guru terhadap aspek perhubungan	110
4.10	Persepsi guru terhadap aspek perkongsian amalan peribadi	112
4.11	Persepsi guru terhadap aspek amalan kolabratif	114
4.12	Persepsi guru terhadap tumpuan kepada pembelajaran	115
4.13	Persepsi guru terhadap dialog reflektif	117
4.14	Persepsi guru terhadap Keberkesanan KPP dalam Pencapaian Murid	118
4.15	Persepsi guru terhadap Keberkesanan KPP dalam Penambahbaikan Berterusan	119
4.16	Korelasi Pearson antara dimensi penilaian konteks dengan dimensi penilaian input dalam pelaksanaan KPP	120
4.17	Korelasi Pearson antara dimensi penilaian konteks dengan dimensi penilaian proses dalam pelaksanaan KPP	121
4.18	Korelasi Pearson antara dimensi penilaian konteks dengan dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan KPP	122
4.19	Korelasi Pearson antara dimensi penilaian input dengan dimensi penilaian proses dalam pelaksanaan KPP	123
4.20	Korelasi Pearson antara dimensi penilaian input dengan dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan KPP	124
4.21	Korelasi Pearson antara dimensi penilaian proses dengan dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan KPP	125
4.22	Sumbangan setiap dimensi KIP dalam meramal dimensi Produk dalam pelaksanaan KPP	126
4.23	Peramal terbaik untuk dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan KPP	127
4.24	Kesimpulan Hipotesis Kajian	128

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Teori Senge (1990)	23
1.2	Teori Perkembangan Sosial Oleh Vygotsky (1989)	24
1.3	Kerangka Konseptual Kajian Bagi Menilai Pelaksanaan KPP Menggunakan Model Penilaian KIPP	26

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

EFA	Exploratory Factor Analisis
EPRD	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
IPG	Institusi Pendidikan Guru
KIPP	Konteks,Input, Proses, Produk
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPP	Komuniti Pembelajaran Profesional
KMO	Kaiser-Mayer-Olkin
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PIPPK	Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan
PLC	Profesional Learning Community
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Dunia pendidikan merupakan antara elemen yang terkenal penting bagi masyarakat. Dalam era globalisasi ini, dunia pendidikan sering menghadapi perubahan yang ketara. Maka seorang guru haruslah bertanggungjawab terhadap perubahan dalam dunia pendidikan ini. Dunia Pendidikan sekarang menekankan isi akademik yang berfokus kepada intelektual supaya dapat mempertingkatkan produktiviti pendidikan (Shirrell et al., 2018). Sehubungan dengan itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengambil pelbagai usaha dalam melahirkan modal insan guru yang berseimbang dan berkualiti. Hal ini dapat memastikan ilmu serta kemahiran yang dimiliki oleh seorang guru dapat digunakan sepenuhnya untuk melahirkan murid yang berilmu dan bernilai.

KPM telah mewujudkan transformasi pendidikan melalui Program Transformasi Sekolah 2025 (TS25) bagi meningkatkan kualiti guru. Program ini adalah untuk memantapkan kepimpinan dalam organisasi sekolah, meningkatkan kebolehan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pendidik dan pelajar melalui memaksimumkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, serta menggalakkan penglibatan ibu bapa dan masyarakat bagi meningkatkan kejayaan pelajar (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2013). Seiring dengan TS25 dalam sistem pendidikan, guru hendak berkolaboratif dengan rakan sekerja dalam organisasi mereka bagi menghasilkan pdpc yang lebih berbagai rupa bagi menarik minat pelajar untuk belajar dengan berkesan. Guru yang berjaya merupakan individu yang memiliki pemahaman yang mendalam tentang bidang kepakaran dalam mata Pelajaran tertentu dan tahu mengaplikasikanya dengan ilmu lain (Sudarman & Mulawarman, 2018).

Persekitaran yang menggalakan perubahan positif dan sokongan dalam nilai-nilai profesional guru dapat melahirkan guru yang bermutu tinggi (Harris, A. & Muijs, D, 2010). Maka, guru-guru bukan sahaja perlu menukarkan persepsi mereka terhadap kepercayaan dan amalan mereka pada pengajaran sendiri. Manakala mereka juga perlu berusaha dalam pembangunan profesional menerusi kerjasama kolabratif bersama rakan sekerja melalui pendekatan Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) atau *Profesional Learning Community (PLC)*.

Pembentukan komuniti pembelajaran profesional merupakan langkah yang terbaik dalam mengembangkan budaya belajar yang cemerlang (DuFour & Eaker, 1998). KPP lebih dikenali satu kaedah yang diamalkan oleh para guru dalam menangani masalah dalam bilik darjah dengan amalan perkongsian antara satu sama lain yang boleh mengembangkan profesionalisme dan keupayaan sebagai guru.

KPP ialah kaedah pengajaran yang lama diamalkan di negara-negara maju seperti Jepun dan Amerika Syarikat demi meningkatkan mutu berkualiti terhadap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kemahiran mengajar guru. Maka dapat dirumuskan bahawa, pelaksanaan KPP mengutamakan kolaborasi dan kerjasama dalam sesuatu kumpulan dan dapat memberikan kesan yang positif terhadap peningkatan kemahiran mengajar seseorang pendidik.

1.2 Latar belakang kajian

Guru merupakan aset utama yang memainkan peranan sebagai penyampai ilmu bagi para pelajar di Malaysia dalam dunia pendidikan ini. Guru menjadi fasilitator atau pendidik dalam keberhasilan proses pembelajaran. Kejayaan seorang guru matematik dalam proses pembelajaran dapat dinilai melalui sejauh mana murid mencapai tujuan pembelajaran dalam subjek matematik tersebut. Seorang pelajar akan lebih mudah untuk menerapkan konsep atau kemahiran matematik yang diajar oleh guru sekiranya guru tersebut mahir dalam penyampaian pengajaran.

Sebagai contoh, dalam pengajaran matematik, konsep-konsep seperti algebra, atau geometri sering kali dilihat sebagai topik yang sukar untuk difahami. Oleh itu, guru matematik yang mahir akan menggunakan teknik pengajaran yang sesuai untuk memudahkan pemahaman pelajar. Guru yang mahir akan mengaitkan konsep-konsep matematik dengan situasi kehidupan sebenar, menggunakan visualisasi atau alat bantu mengajar seperti carta, grafik, atau alat digital untuk memudahkan murid memahami dan mengingati konsep-konsep tersebut.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sebaliknya, murid akan merasai kebebanan atau kesulitan dalam memahami pengajaran matematik jika guru tidak mempunyai kemahiran dalam menyampaikan pelajaran dengan jelas. Sebagai contoh, jika guru tidak dapat menjelaskan dengan cara yang mudah difahami atau tidak memberi banyak contoh praktikal, murid mungkin akan merasa tertekan dan lebih sukar untuk memahami konsep-konsep matematik yang abstrak.

Masih terdapat kebanyakan guru matematik yang lebih suka bekerja bersendirian dan enggan bekerjasama dengan rakan sekerja dalam usaha untuk memperbaiki pengajaran mereka. Mereka kurang terbuka untuk berkongsi amalan pengajaran, menyelesaikan masalah bersama, atau berkolaborasi dalam merancang pengajaran, serta dalam membuat keputusan berkaitan kaedah dan strategi pengajaran matematik yang lebih berkesan. Tahap profesionalisme guru matematik masih terbantut, dengan pengetahuan pedagogi yang diterima semasa latihan perguruan tidak mencukupi untuk memenuhi tuntutan pendidikan matematik pada masa kini. Banyak guru matematik masih kekurangan kemahiran dalam penggunaan pendekatan pengajaran yang moden, serta tidak cukup terdedah kepada perkembangan terkini dalam metodologi pengajaran matematik yang dapat meningkatkan pemahaman dan minat pelajar.

Seorang guru matematik haruslah kreatif dan berfikir luar biasa dalam melaksanakan pdpc di dalam kelas. Dengan menggunakan pendekatan yang inovatif seperti penerapan teknologi, permainan matematik, atau kaedah pengajaran yang berbeza, guru matematik dapat meningkatkan minat pelajar dan memudahkan pemahaman konsep-konsep matematik yang kompleks. Kreativiti dalam pengajaran ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

akan meningkatkan kualiti pengajaran, menjadikan pembelajaran lebih menarik dan berkesan dalam membantu pelajar menguasai kemahiran matematik dengan lebih baik.

Bagi menangani isu ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memperkenalkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025) bagi menaiktaraf sistem pendidikan negara ke era globalisasi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). KPM telah menggariskan sebelas anjakan dalam PPPM. Anjakan keempat pula difokuskan kepada memartabatkan profesion keguruan demi meningkatkan lagi kualiti guru. Hal ini kerana, kualiti sistem pendidikan ataupun keberhasilan murid bersaing dengan perkembangan kualiti guru (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Maka, Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan (PIPPK) pula dibina untuk menuju ke hasrat tersebut (Bahagian Pendidikan Guru, 2016). Terdapat 12 aktiviti yang dinyatakan di dalam pembangunan profesionalisme berterusan PIPPK dan KPP merupakan salah satunya meningkatkan kompetensi guru. KPP telah diperkenalkan kepada 289 sekolah berprestasi rendah di seluruh Malaysia serta diluaskan pada tahun seterusnya.

KPP ialah satu kumpulan yang mewujudkan amalan yang membantu semua warga sekolah untuk belajar bersama-sama. Ia juga boleh dikatakan bahawa setiap orang di dalam organisasi sekolah itu akan mempunyai fungsi tersendiri dan bertanggungjawab antara satu sama lain untuk (Myers & Simpson, 1998). Guru besar, para pentadbir dan para pendidik merupakan ahli dalan komuniti pembelajaran professional di sekolah. Mereka merupakan golongan yang sentiasa menjalankan pembelajaran secara berterusan. Golongan ini akan berkongsi pembelajaran untuk memantapkan lagi keberkesanan sekolah dan juga pembelajaran para murid. Secara

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

langsung perlaksanaan KPP merupakan kolaborasi yang berbentuk kaedah perkongsian yang berkesan dalam kalangan guru dan memberi kebaikan dalam proses pdp di dalam kelas (Hajar Mohamed & Siti Mistima Mat, 2021).

Pihak sekolah dapat membina nilai-nilai pembelajaran dengan mengadakan satu proses kolaboratif melalui perbincangan yang menyeluruh dalam kalangan semua pihak sekolah. Ia dapat menambahbaik kualiti pembelajaran dalam kalangan pihak sekolah dan komuniti sekolah yang mengamalkan KPP dengan betul (Speck,1999). Hal ini kerana, setiap ahli komuniti sekolah yang mengamalkan KPP, akan memainkan peranan masing-masing dalam membina komuniti mereka. Roberts dan Pruitt (2003) menyatakan bahawa kewujudan budaya pembelajaran dalam kalangan komuniti sekolah akan membantu untuk membina situasi yang kolektif di antara semua ahli komuniti sekolah termasuk para pentadbir, para guru, para murid dan ibu bapa.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KPP mewujudkan pembelajaran di sekolah untuk guru-guru mempelajari ilmu atau kemahiran berkaitan pedagogi dan profesionalisme dalam bidang masing-masing. Pelaksanaan KPP berupaya untuk memberi kesan yang positif dengan meningkatkan kemahiran mengajar para pendidik dalam mata pelajaran pengkhususan. Secara khususnya pelaksanaan KPP berfokuskan penambahbaikan komuniti sekolah dengan berlangsungnya pembelajaran guru secara berterusan untuk mencari dan berkongsi pengalaman serta mengaplikasikan ilmu tersebut supaya murid mendapat manfaat (Cranston, 2009).

Pelaksanaan KPP merupakan satu langkah untuk mewujudkan para guru menjadi cemerlang dalam bidang subjek tertentu. Lloyd (2012) telah menggariskan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

KPP kepada lima elemen yang terdiri daripada (i) perkongsian visi, misi dan matlamat; (ii) budaya berkolaboratif; (iii) sokongan keadaan; (iv) perkongsian dan sokongan kepimpinan; dan (v) fokus kepada hasil pencapaian. Kesemua lima elemen yang dinyatakan mempengaruhi antara satu sama lain dalam langkah untuk memastikan pembelajaran dalam kalangan guru berlangsung secara berterusan serta membantu peningkatan dalam pencapaian murid- murid.

i. Perkongsian Visi Dan Matlamat

Sesebuah komuniti akan membina matlamat yang sama untuk penambahbaikan, dan berusaha dalam peningkatan pembelajaran murid. Persamaan dalam matlamat adalah sangat diutamakan oleh seseorang dan sebuah organisasi untuk membina pemikiran yang kreatif. Sergiovanni (2001) pula mefokuskan kepada perkongsian nilai, matlamat, misi dan visi sebagai penghubung dalam mengembangkan idea yang menggalakkan guru untuk bertindak balas dengan cara yang lebih bermakna.

ii. Budaya Berkolaboratif

Bagi merealisasikan elemen perkongsian visi,misi, semua guru dan pemimpin sekolah perlu berganding bahu antara satu sama lain dan mengadakan berkolaborasi yang efektif, Hal ini dapat mengoptimumkan proses pedagogi pembelajaran dan meningkatkan pencapaian murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iii. Sokongan Keadaan

Elemen ini berfokuskan dalam sesebuah KPP yang menunjukkan sokongan untuk mengekalkan proses penambahbaikan sekolah berlaku secara berterusan. Elemen ini memainkan peranan melalui sokongan i) penjadualan, ii) sumber, iii) sokongan kognitif dan iv) sosial dengan mewujudkan komunikasi dan peluang kepemimpinan yang efektif.

iv. Perkongsian Dan Sokongan Kepimpinan

Elemen ini berfokus kepada pihak pentadbiran ataupun kepemimpinan di sesebuah komuniti sekolah. Perkongsian kepemimpinan terbentuk apabila pemimpin memberi kuasa kepada guru-guru dalam KPP supaya dapat merealisasikan perkongsian matlamat, visi dan misi sekolah. Elemen ini juga menggalakkan semua ahli KPP untuk membuat keputusan yang tepat bagi menjana kesan yang positif terhadap pencapaian murid.

v. Fokus Kepada Hasil Pencapaian

Kemenjadian murid merupakan kejayaan kepada pelaksanaan KPP (DuFour et al., 2008). Maklumat yang diperoleh daripada pencapaian ujian dan aktiviti sekolah dinilai untuk menentukan hasil pencapaian murid serta merancang penambahbaikan yang perlu dilakukan (Borrero, 2010). Ahli KPP akan berkolaborasi antara satu sama lain untuk mendapatkan cara yang terbaik demi meningkatkan kefahaman dan prestasi murid. Hasil pencapaian murid dapat dinilai melalui penilaian sumatif dan formatif.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Guru dan pemimpin sekolah dapat membuat penambahbaikan terhadap aktiviti KPP dengan mengambil kira hasil pencapaian murid.

1.3 Pernyataan masalah

Berdasarkan Halloran (2011), pengkaji-pengkaji barat biasanya menggunakan kaedah kajian yang sistematik dan terkini supaya menerima dapatan kajian yang terbaharu. Kajian mengenai KPP kekurangan kerana terdapatnya kecelaruan definisi dalam memahami KPP di negara Malaysia (Zuraidah, 2009). Pada mula-mulanya, amalan KPP hanya dipromosikan sebagai organisasi pembelajaran yang dapat membantu kewujudan kolabrasi dalam pembelajaran guru yang mengutamakan pencapaian murid. Namun, kajian berasaskan KPP tidak banyak kerana pengkaji berpendapat organisasi pembelajaran dan KPP ialah sama dari segi aspek konsep (Rosnah Ishak & Muhammad Faizal A. Ghani, 2013). Selain itu, kebanyakkan kajian berkaitan amalan KPP hanya dijalankan di sekolah menengah.

Perkembangan profesionalisme yang berpotensi tinggi seperti KPP dapat mempengaruhi pembelajaran murid. Walau bagaimanapun pendorong luaran tidak mengakibatkan kesan maksimum kepada pembelajaran murid jika seseorang guru tidak mempunyai keyakinan diri dalam menjalankan sesuatu tugasan yang diamanahkan walaupun ia susah untuk dijalankan (Shirrell et al., 2018).

Guru matematik yang mempunyai bakat untuk mengajar secara berkesan dapat memotivasikan pelajar untuk lebih fokus dan tekun dalam mempelajari subjek

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

matematik. Dengan pendekatan yang menarik, seperti menghubungkan konsep matematik dengan situasi kehidupan sebenar, menggunakan pelbagai kaedah pengajaran yang interaktif, dan memberi sokongan yang berterusan, guru matematik dapat meningkatkan keyakinan pelajar. Ini akan mendorong mereka untuk berusaha dengan lebih gigih, seterusnya mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik, khususnya dalam matematik.

Sekiranya seorang guru matematik kurang berpengalaman dan tidak cukup menguasai isi kandungan matematik, guru tersebut seharusnya lebih proaktif untuk bertanya dan mendapatkan bimbingan daripada guru matematik yang lebih berpengalaman atau pakar. Ini penting agar pengajaran yang diberikan lebih berkesan dan dapat membantu pelajar menguasai konsep-konsep matematik dengan baik. Namun, masih terdapat cabaran di mana pihak pentadbiran sekolah kurang menggalakkan budaya kolaboratif dan sesi pertukaran idea secara profesional antara guru matematik, yang sepatutnya dapat memperkaya amalan pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Apabila ia tidak dapat dilakukan dengan aktif, maka ini akan menyebabkan pembelajaran guru terjejas (Nafsiah, Zuraidah, & Abdul Jalil, 2020).

Di negara Malaysia, kepemimpinan pendidikan telah berkembang luas. Untuk memenuhi jurang ilmu yang boleh membantu pihak yang menggubal dasar terutama polisi yang berkaitan kepimpinan, banyak kajian berkaitan kepimpinan telah dijalankan. Rosnazirah & Hussein (2015) telah menyatakan bahawa pencapaian sekolah tidak lagi bergantung sepenuhnya terhadap pihak pemimpin. Manakala Harris (2008), juga telah menyokong bahawa gaya kepimpinan tradisional bertukar kepada kepimpinan distributif sebagai alternatif. Maka ia lebih mengutamakan penglibatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

semua anggota dalam sesebuah organisasi supaya dapat memberikan pendidikan yang bermutu dan cemerlang kepada murid-murid.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM, 2013 –2025) juga berfokuskan kepada mutu kepimpinan sekolah dan guru selari dengan kemahiran abad ke 21. Hal ini lebih menjurus kepada hasrat KPM dalam membina Pendidikan Malaysia pada taraf antarabangsa. Hal ini mendorong pemimpin sekolah untuk membuat perubahan dalam amalan kepimpinan mereka supaya para pendidik melakukan inovasi dalam pengajaran. Namun begitu, menurut Adzmin (2017), beberapa kajian yang dijalankan di Malaysia hanya berfokuskan kepada pengurusan kolaboratif pemimpin sekolah sahaja seperti kajian yang dijalankan oleh Abdul Ghani dan Tang (2006), Foo dan Tang (2005), Abdul Rani (1998) dan Asmah (1998). Manakala kajian mengenai kepimpinan kolabratif masih berkurangan di negara Malaysia. Selain itu, di peringkat antarabangsa juga masih kekurangan kajian berkaitan kepimpinan kolobratif seperti di dalam kajian Chrislip dan Larson (1994), Goldman dan Kahnweiler (2000) dan Lipman-Blumen (1996).

KPP sebenarnya mengadaptasikan konsep pembelajaran organisasi yang diperkenalkan oleh Senge (1990). Beliau telah menekankan bahawa organisasi pembelajaran membantu seseorang individu untuk bersaing satu sama lain dalam membina pemikiran kreatif lalu mempelajari dalam sebuah kumpulan secara berlanjutan.

Pengkaji-pengkaji lepas membuktikan sesebuah kumpulan yang dapat membina pembelajaran secara berlanjutan, dapat menguasai dunia Pendidikan abad 21.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun organisasi yang tidak memiliki sifat-sifat organisasi pembelajaran kurang mampu untuk membuat penyesuaian terhadap persekitaran, jarang menerima perubahan, dan menghadapi masalah untuk belajar secara berkesan (Myers & Simpson, 1998; Dufour et al., 2010; Aziah et al., 2015; Zuraidah Abdullah et al., 2016). Maka sekolah yang belum mengamalkan ciri-ciri organisasi pembelajaran kolabratif dianggap sebagai komuniti guru yang perlu berubah (Hajar Mohamed & Siti Mistima Mat, 2021). Hal ini kerana sebuah kumpulan yang berkolaboratif dan mempunyai nilai yang serupa dapat berkongsi amalan pengajaran sesama rakan sekerja demi meningkatkan kualiti pengajaran.

Menurut kajian Amat Ujali & Affero Ismail (2016), guru, persekitaran dan kemudahan yang disediakan merupakan faktor-faktor yang menyumbang kepada minat pelajar terhadap matematik. Murid berasa kurang minat terhadap matematik disebabkan strategi pengajaran guru yang tidak berbeza. Berdasarkan Gilbert, Voelkel, & Johnson, (2018), pihak pemimpin sekolah pula masih belum mengambil usaha untuk meningkatkan aspek sokongan KPP seperti peruntukkan masa dan kewangan yang menghalang pelaksanaan KPP di sekolah. Maka ini mengakibatkan guru merasa beban dan tekanan ketika menjalankan KPP di sekolah (Schaap et al., 2018) dan hilang minat sekiranya menjalankan insiatif baharu yang akan dikenalkan pada masa yang akan dating. (Richard Dufour, 2016).

Kajian yang dijalankan oleh Che Zanariah dan Fadzilah (2011) pula menyatakan bahawa guru-guru masih tidak mahir untuk menggunakan kaedah dan teknik pengajaran yang baik dalam merealisasikan situasi pembelajaran yang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menyeronokkan serta menarik minat pelajar. Matlamat dan objektif pengajaran akan kurang tercapai apabila strategi pengajaran guru mempengaruhi pembelajaran murid.

Dalam konteks guru matematik, tahap kualiti dan kompetensi guru-guru dalam bidang ini juga sering dipersoalkan. Sebagai mata pelajaran yang sering dianggap sukar oleh sesetengah pelajar, kualiti pengajaran matematik perlu diberikan perhatian yang lebih khusus. Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menekankan pentingnya guru matematik untuk menguasai ilmu pengetahuan dalam bidang matematik dengan mendalam serta memilih kaedah, strategi, dan teknik pengajaran yang lebih efektif.

Untuk mencapai matlamat ini, guru matematik perlu memiliki kemahiran dalam merancang dan melaksanakan pengajaran yang sesuai dengan tahap pemahaman pelajar. Selain itu, mereka juga harus bijak dalam memilih dan menggunakan alat bantu mengajar seperti teknologi digital, perisian matematik, dan alat pengajaran interaktif yang dapat meningkatkan penglibatan pelajar. Pendekatan pengajaran yang lebih kreatif dan inovatif seperti pengajaran berasaskan projek, pembelajaran kolaboratif, serta penggunaan permainan matematik juga dapat membantu menarik minat pelajar dalam subjek ini. Harris (2002) menyatakan meningkatkan tahap kualiti proses PdPc guru-guru dapat membantu untuk menambahbaik pengajaran yang berkesan. Matlamat yang telah dihasratkan oleh KPM dapat dicapai melalui membangunkan tahap profesionalisme keguruan dan kualiti pada guru-guru itu sendiri.

Masih terdapat guru-guru matematik yang kurang berani berkongsi amalan pengajaran peribadi mereka dengan rakan sekerja. Hal ini mungkin disebabkan oleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kekurangan keyakinan diri atau rasa takut dinilai, yang menyebabkan mereka lebih cenderung untuk terus menggunakan kaedah pengajaran yang telah biasa mereka amalkan. Walaupun rakan sekerja mungkin sudah berkongsi amalan terbaik mereka, ada guru yang tetap merasa ragu untuk mencuba pendekatan baru. Mereka mungkin bimbang bahawa teknik baru yang dicuba tidak akan berkesan atau tidak diterima oleh pelajar, menyebabkan mereka enggan keluar dari zon selesa dan mengubah cara pengajaran mereka.

Hal ini kerana mereka beranggapan bahawa kaedah yang sedia ada amat relevan dengan sistem peperiksaan dan masih menggunakan kaedah papan putih dan marker sebagai alat bantu mengajar yang utama dan tidak memperbezakan kaedah pengajaran (Laporan KPM, 2001).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Laporan Jemaah Nazir (2006) menekankan bahawa mesyuarat panitia Matematik sering kali hanya tertumpu kepada perkara-perkara rutin seperti penyediaan ujian, proses pengisian data, serta perancangan minggu atau bulan panitia yang telah dijadualkan dalam takwim sekolah. Mesyuarat tersebut lebih banyak membincangkan hal-hal administratif dan operasional, tanpa memberi ruang yang mencukupi untuk perbincangan yang lebih mendalam mengenai inovasi dalam pengajaran, teknik pengajaran baharu, atau pembaharuan dalam amalan pengajaran matematik. Ini menyebabkan potensi panitia Matematik untuk berkembang melalui perkongsian amalan terbaik atau strategi pengajaran yang lebih berkesan tidak dapat dimaksimumkan, kerana mesyuarat tersebut kurang memberi tumpuan kepada peningkatan profesionalisme dan kolaborasi dalam kalangan guru matematik (Nor Foniza & Mohd Izham, 2010).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kebanyakan sekolah menghadapi masalah kekurangan guru opsyen Matematik, yang menyebabkan pemimpin sekolah mengalami kesukaran dalam pengagihan subjek Matematik dengan seimbang (Liong Shou, 2014). Walaupun seorang guru Matematik terlatih, mereka mungkin menghadapi kesukaran dalam mengajar apabila terpaksa mengendalikan subjek Matematik yang bukan opsyen bagi mereka. Keadaan ini boleh menyebabkan guru tersebut keliru dengan kandungan subjek, kurang yakin dengan pendekatan pengajaran yang digunakan, serta menghadapi cabaran dalam mengadaptasi kaedah yang sesuai untuk memastikan pengajaran berkesan. Kekurangan sokongan dan latihan yang mencukupi dalam bidang tersebut juga boleh memberi kesan kepada keyakinan dan kecekapan guru dalam melaksanakan tugas mereka, yang akhirnya menjejaskan kualiti pengajaran Matematik di sekolah.

Maka, kajian ini bertujuan untuk menilai pelaksanaan KPP di sekolah rendah daerah Petaling Perdana dalam kalangan guru matematik. Dengan tujuan ini, diharapkan kajian ini dapat menyumbang kepada literatur penyelidikan sedia ada mengenai pelaksanaan KPP sekali gus memenuhi kelompangan kajian - kajian yang sedia ada.

1.4 Objektif kajian

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk menilai pelaksanaan KPP menggunakan Model Penilaian KIPP dari aspek konteks, input, proses dan produk iaitu:-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dimensi Penilaian Konteks (K)

1. Mengenal pasti persepsi guru terhadap pelaksanakan KPP dengan
    a. Falsafah Pendidikan Kebangsaan
    b. Prinsip Program Tranformasi Kerajaan (GTP)

Dimensi Penilaian Input (I)

2. Mengenal pasti persepsi guru terhadap:
    a. Perkongsian Kepimpinan
    b. Perkongsiaan Nilai, Matlamat, Visi dan Misi
    c. Aspek perhubungan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dimensi Penilaian Proses (P)

3. Mengenal pasti persepsi guru terhadap:
    a. Perkongsian amalan Peribadi.
    b. Amalan kolabratif.
    c. Tumpuan kepada pembelajaran murid.
    d. Dialog reflektif.
    e. Amalan terbaik pengajaran

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Masa depan program yang dinilai akan ditentukan sama ada akan dikekalkan, diperbaharui atau digantikan dengan program baharu.

2.4.1 Penilaian program

Ferda (2010), mengatakan bahawa penilaian program harus dibezakan daripada penilaian pelajar, kakitangan, bahan atau institusi. Penilaian program telah memainkan peranan utama dalam pembaharuan pendidikan dan telah mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa. Patton (2000) melihat penilaian program sebagai pengumpulan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

maklumat secara sistematik mengenai aktiviti, ciri, dan hasil program untuk membuat pertimbangan mengenai program, meningkatkan keberkesanan program, dan memaklumkan keputusan mengenai pengaturcaraan masa depan (Nor Hasnida, 2016).

Mc. Namara (1998) mendefinisikan penilaian program sebagai proses mengumpul maklumat tentang sebahagian atau keseluruhan program bagi tujuan membuat keputusan tentang program tersebut (Haliza, 2005). Beliau berpendapat aspek utama dalam penilaian program adalah mengenal pasti maklumat yang diperlukan, cara untuk mengumpulkan maklumat tersebut dan bagaimana untuk memahami dan memperjelaskan maklumat tersebut.

Penilaian program ialah suatu proses untuk mengumpulkan maklumat tentang pelaksanaan sesuatu program untuk dijadikan sebagai panduan dalam membuat keputusan bagi meningkatkan lagi keberkesanan pendidikan yang dilaksanakan (Azahari, 2005). Menurut Ibrahim (2001), beberapa perkara yang perlu dilakukan dalam melaksanakan penilaian program, iaitu:

a) Mengenal pasti tujuan atau rasional penilaian itu dilakukan.
b) Mengenal pasti aspek yang hendak diuji.
c) Pihak sasaran yang akan dinilai.
d) Tempoh penilaian akan dilakukan.
e) Cara pengumpulan maklumat.
f) Cara menganalisis maklumat.
g) Membuat keputusan mengenai keberkesanan program yang dinilai (Md. Rizal, 2016).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penilaian program pendidikan melibatkan peruntukan kewangan dan sumber manusia yang besar (Ghazali et al., 2017). Keberkesanan kos perlu dibuat bagi memastikan objektif program tercapai. Penilaian program pendidikan meliputi fasa perancangan, pelaksanaan, pemantauan, penilaian dan perancangan semula. Maka boleh dirumuskan bahawa penilaian program adalah satu usaha dalam mengumpulkan dan menyediakan maklumat yang berguna kepada pihak yang berkepentingan untuk membuat keputusan terhadap sesuatu program berdasarkan prestasi, pencapaian dan keberkesanan program tersebut. Jika terdapat sebarang kelemahan atau kekurangan, langkah-langkah penambahbaikan akan dilaksanakan, supaya program yang dijalankan seperti yang telah dirancang.

2.4.2 Pendekatan dan model penilaian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi menilai sesuatu program terdapat beberapa pendekatan dan model yang boleh digunakan. Nadler dan Lawler (1983) menyatakan model diibaratkan sebagai jalan raya yang membantu seseorang pemandu agar tidak sesat (Nor Hasnida, 2016). Manakala Ibrahim (2001), menggambarkan model sebagai keadaan sebenar yang mudah tetapi komprehensif. Fitzpatrick, Sanders dan Worthen (2012), telah mengklasifikasikan pendekatan penilaian untuk menilai sesuatu program kepada beberapa kategori iaitu:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 2.1

Pendekatan dan model-model penilaian

	Pendekatan Penilaian	Fokus	Model	Pengkaji
1.	Pendekatan Berorientasikan Objektif	Berfokuskan kepada objektif dan matlamat program	Model Penilaian Tyler	Ralph W. Tyler (1902-1994)
2.	Pendekatan Berorientasikan Penyertaan	Menjadikan penglibatan peserta sebagai perkara utama dalam menentukan nilai, kriteria, keperluan dan data untuk penilaian	*Stake's Countenance Model.*	Robert E. Stake (1927)
3.	Pendekatan Berorientasikan Keputusan	Tujuan penilaian untuk mengumpulkan dan membekalkan maklumat kepada pihak pengurusan untuk membuat keputusan.	Model Penilaian KIPP	Daniel LeRoy Stufflebeam (1936).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.2.1 Pendekatan Berorientasikan Objektif

Pendekatan ini lebih berfokuskan kepada objektif dan matlamat program dan menentukan pencapaian objektif program (Amin, 2008). Stufflebeam (2001) berpendapat bahawa, penilaian berorientasikan objektif biasanya dijalankan secara dalaman oleh pihak penggubal kurikulum untuk menentukan sama ada objektif program telah dicapai ataupun tidak. Model Penilaian Tyler merupakan model yang terkenal dalam menggunakan pendekatan berorientasikan objektif.

Model Penilaian Tyler diasaskan oleh Ralph Tyler dan juga dikenali sebagai "Bapa Penilaian Pendidikan". Ia merupakan antara model penilaian yang terawal dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berpengaruh. Langkah utama dalam proses penilaian Model Penilaian Tyler ialah menentukan dan menjelaskan matlamat sesuatu program (Shapiee, 2002). Sekiranya objektif program tercapai ini membuktikan keberkesanan sesuatu program dan kelemahan atau kepincangan menunjukkan objektif program tidak tercapai dan matlamat yang ditetapkan tidak sesuai (Azahari, 2005). Menurut M. Alias (2012) model penilaian ini mempunyai beberapa langkah iaitu:

a. Menentukan tujuan dan objektif.
b. Mengklasifikasi tujuan dan objektif.
c. Mentakrifkan objektif dari segi tingkah laku.
d. Mengenal pasti situasi di mana pencapaian objektif dapat dilihat.
e. Membangun dan memilih kaedah pengukuran.
f. Memungut data.
g. Membandingkan prestasi dengan objektif yang telah ditetapkan.
h. Mengubahsuai program akan dilaksanakan untuk meningkatkan keberkesanannya atau memperbetulkan kekurangan yang ada.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.2.2 Pendekatan Berorientasikan Penyertaan

Pendekatan ini berfokuskan kepada penglibatan peserta sebagai elemen utama untuk menentukan nilai, kriteria, keperluan dan data untuk penilaian (Amin, 2008). Pendekatan ini wujud apabila menerima kesedaran tentang perlunya mengutamakan pengalaman sebenar peserta yang terlibat dalam aktiviti harian program dalam penilaian sesuatu program. Perubahan ini berlaku kerana penilaian yang dijalankan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sebelumnya lebih mengutamakan unsur-unsur angka, carta dan jadual dan kekurangan elemen humanistik (Fitzpatrick et al., 2012). Stake's Countenance Model merupakan antara model yang menggunakan pendekatan ini.

Stake's Countenance Model membuat penilaian keberkesanan program mengikut prosedur dalam bentuk formal atau tidak formal. Penilaian secara formal dilakukan sekiranya ia melibatkan pungutan data yang berat manakala penilaian secara tidak formal pula dilakukan sekiranya penilaian dibuat melalui peratusan sahaja. Mengikut penjelasan Stake terdapat tiga bentuk untuk mentadbir data iaitu, input, trasaksi dan hasil.

Input meliputi input murid dan guru. Input murid merujuk kepada tingkah laku dan skor pencapaian. Manakala input guru pula meliputi kelayakan, tahap profesionalisme, serta pengalaman yang guru miliki. Transaksi pula merujuk kepada penilaian proses pembelajaran dan interaksinya. Hasil memfokuskan kepada matlamat sesuatu program berdasarkan kepada impaknya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.4.2.3 Pendekatan Berorientasikan Keputusan

Pendekatan ini juga dikenali sebagai pendekatan berorientasikan pengurusan kerana tujuan penilaian ini adalah untuk mengumpulkan dan membekalkan maklumat kepada pihak pengurusan untuk membuat keputusan (Amin, 2008). Pendekatan yang memberikan perhatian utama dalam mengenal pasti dan memenuhi keperluan maklumat untuk membuat keputusan yang lebih baik dalam pengurusan. Model

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penilaian KIPP dan Model Penilaian Kirkpatrick merupakan antara model penilaian yang menggunakan pendekatan ini.

Pendekatan berorientasikan objektif lebih rigid dan tidak memberi ruang untuk penyesuaian mengikut konteks atau keadaan yang berubah. Ini menyebabkan kekurangan kreativiti dan kebebasan dalam proses pembelajaran atau pelaksanaan. Pendekatan ini juga lebih menumpukan pada pencapaian akhir, bukan pada proses atau pengalaman sepanjang perjalanan, yang mungkin menyebabkan kehilangan elemen pengembangan yang lebih luas.

Pendekatan berorientasikan penyertaan pula melibatkan ramai pihak, dan berkemungkinan untuk berlaku terlalu banyak input yang menyebabkan proses menjadi kurang fokus atau rumit. Kadang-kadang, ini juga boleh menghalang pengambilan keputusan yang cepat dan tepat. Penyertaan yang meluas seringkali melibatkan pelbagai pandangan yang subjektif, yang boleh menyebabkan keputusan yang dibuat menjadi kurang objektif dan lebih dipengaruhi oleh pendapat peribadi.

Manakala pendekatan berorientasikan keputusan lebih jelas dalam mengenal pasti hasil yang diinginkan dan menilai sejauh mana objektif telah tercapai. Selain itu, pendekatan ini juga membantu memilih keputusan yang lebih terukur dan spesifik berdasarkan pencapaian objektif yang jelas, yang memudahkan penilaian keberkesanan pelaksanaan.

Maka dalam kajian ini, pengkaji memilih pendekatan berorientasikan keputusan untuk menjalankan kajian. Model Penilaian KIPP menjadi model pilihan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengkaji dalam menilai pelaksanaan komuniti pembelajaran profesional di sekolah rendah daerah Petaling Perdana dalam kalangan guru matematik.

2.5 Model penilaian KIPP

Setiap kajian memerlukan model untuk pembinaan konseptual kajian dan untuk kajian literatur. Pengkaji telah menggunakan model KIPP dalam kajian ini. Model KIPP telah dimula reka pada akhir 1960-an. Dalam konsep penilaian yang dibincangkan oleh Stufflebeam (1971), beliau berpendapat bahawa penilaian merupakan "sains pengumpulan maklumat untuk membuat keputusan"(Azizi Yahaya, et al., 2008). KIPP akan dibahagi kepada empat komponen yang penting. Pertamanya, K merujuk kepada keputusan mengenai persekitaran Konteks (context), keputusan mengenai sumber, I pula Input (input), keputusan mengenai pelaksanaan, P pula Proses (process) dan keputusan mengenai hasil P terakhir ialah Produk (product). Stufflebeam (2008) mengakui bahawa KIPP merupakan modal penilaian yang dapat menjadi alat (*tools*) bagi membantu menjadikan sesuatu program lebih baik untuk manfaat manusia yang berkepentingan.

Fryre & Hemmer (2012) berpendapat, tiga elemen pertama model (dimensi konteks, input dan proses) lebih sesuai untuk penilaian formatif manakala penambahbaikan dan dimensi terakhir (penilaian produk) sesuai untuk penilaian sumatif. Model ini berperanan untuk membandingkan dimensi penilaian produk dan membuat penilaian mengenai kekuatan dan kelemahan program yang sedang dinilai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Bukit et al., 2019). Menurut Suhaimi, et al. (2019) fokus utama KIPP ialah seperti berikut:

- Menghubungkaitkan matlamat, konteks, input dan proses dengan produk atau hasil sesuatu program.
- Menentukan keselarasan persekitaran dalam pencapaian matlamat atau objektif program yang dijalankan.
- Menjadikan lebih baik sesuatu program dan tidak hanya berfokus kepada membuktikan kebenaran.

2.5.1 Dimensi penilaian konteks

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penilaian konteks berfokus kepada persekitaran yang mengalami perubahan serta kesukaran yang dialami oleh persekitaran tersebut (Azizi Yahaya et al., 2008). Matlamat penilaian konteks adalah bagi memastikan kesesuaian persekitaran dalam membantu pencapaian matlamat dan objektif program. Matlamat utama penilaian konteks adalah untuk mengenal pasti kelebihan dan kekurangan yang dikuasai oleh penilai supaya boleh buat pertimbangan untuk melakukan sebarang penambahbaikkan.

Ghazali dan Sufean (2016), pula mengatakan penilaian konteks lebih menjurus kepada kandungan program itu seperti mengetahui keperluan, peluang, nilai kepercayaan, matlamat, kemahiran, penguasaan dan fokus utama. Azizi Jaafar (2015), dalam kajian yang telah dijalankan telah menyatakan pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Islam bersesuaian dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, Falsafah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendidikan Islam, matlamat dan objektif Kurikulum Pendidikan Islam sebagai dimensi penilaian konteks.

2.5.2 Dimensi penilaian input

Sumber yang terlibat dalam membantu pencapaian matlamat dan objektif program dikenali sebagai penilaian input. Penilaian input mengambil berat keputusan dengan memastikan sumber-sumber yang ada, pilihan lain yang boleh digunakan, langkah kerja bagi mencapai hala tuju yang telah ditetapkan (Mohamad Fadzil & Abdul Jaleel, 2013).

Penilaian input melibatkan pemeriksaan kaedah yang berkemampuan sebagai pilihan strategi alternatif (Zhang et al., 2011). Strategi alternatif dapat memeuhi keperluan objektif tertentu makai a dikenali sebagai keputusan penstukturan (Nor Hasnida, 2016). Contoh elemen penilaian input ialah kemahiran dan pengetahuan guru, peralatan, jadual waktu, peruntukan sumber wang atau peranan guru besar atau ibu bapa.

2.5.3 Dimensi penilaian proses

Penilaian proses berfokus kepada langkah yang diambil untuk mencapai objektif dan matlamat program. Kesemua elemen dalam penilaian proses ini hendak diketahui selalu bagi mengawal pelaksanaan program (Azizi Yahaya et al., 2008). Penilaian proses juga bermatlamat bagi mengawal dan menyelia program yang sedang berjalan supaya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menentukan pengaliran program dilaksanakan seperti yang telah dirancang (Ghazali & Sufean, 2016). Berdasarkan Stufflebeam (1971), dimensi penilaian proses mempunyai tiga strategi seperti berikut :-

i. mengenalpasti unsur yang boleh merosakkan program seperti permasalahan yang wujud dan dianggap sebagai penghalang untuk pencapaian objektif program.
ii. Bersiap sedia dengan informasi untuk membuat keputusan.
iii. Menetapkan rekod tatacara yang berlaku.

2.5.4 Dimensi penilaian poduk

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Penilaian produk berfokus kepada hasil dapatan program setelah habis dijalankan (Azizi Yahaya et al., 2008). Mohamad Fadzil dan Abdul Jaleel, (2013), juga menyokong pendapat diatas dengan menyatakan bahawa penilaian produk membantu melihat keberhasilan sesuatu program yang dijalankan melalui pencapaian objektif yang telah ditetapkan. Maka, penilai akan membuat penambahbaikan dan memberi cadangan terhadap pelaksanaan program yang dijalankan.

Menurut Ghazali dan Sufean (2016), dimensi penilaian produk pula merujuk kepada hubungan yang terhasil antara impak bagi penilaian konteks, input dan proses dengan penilaian produk. Hasil dapatan daripada penilaian produk akan digunakan oleh pihak pengurusan membantu mengambil keputusan sama ada program perlu diteruskan, ditangguhkan, diubahsuai atau ditamatkan. Penilaian dari Dimensi Produk bagi kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dijalankan oleh Md. Rizal (2016), membuktikan bahawa Pelaksanaan Pentaksiran Kerja Projek Lukisan Kejuruteraan dapat membina pelajar lukisan kejuruteraan yang amanah, progresif, berdisiplin dan bersahsiah tinggi.

Jadual 2.2

Skop Model Penilaian KIPP

Dimensi	Matlamat
Konteks	1. Penilaian ke atas persekitaran program yang bertumpukan kepada isi program itu. 2. Bertumpukan kepada kandungan program seperti mengambil berat tentang keperluan, peluang, nilai kepercayaan, matlamat, kemahiran, penguasaan dan sasaran.
Input	1. Penyediaan maklumat dan penentuan penggunaan sumber-sumber bagi memenuhi matlamat kursus. 2. Bertumpukan kepada penggunaan pelbagai sumber, strategi dan kaedah yang mampu membantu untuk mencapai objektif program.
Proses	1. Bagi mengawal dan mengurus program yang sedang dijalankan supaya menentukan pengaturcaraan program seperti telah dirancang.
Produk	1. Mengenali dan menilai hasil program. 2. Mengukur, mentafsir dan menilai hasil dapatan dengan jujur. 3. Membantu mengambil keputusan dan penambahbaikan

Sumber : Mohd Mazli,(2018)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.6 Konstruk dalam kajian

Dalam menjalankan kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti beberapa konstruk yang akan diukur mahupun dinilai. Konstruk tersebut akan diperjelaskan mengikut dimensi penilaian KIPP.

Penilaian konteks merupakan penilaian yang dilakukan terhadap persekitaran program yang bertumpukan kandungan program itu sendiri seperti matlamat kurikulum yang dihasratkan, objektif yang disasarkan, peluang, nilai, kepercayaan, kemahiran dan penguasaan pengetahuan (Stufflebeam, 1971). Pengkaji akan menilai dimensi konteks yang terdiri dari 2 sub konstruk iaitu berkaitan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Program Tranformasi Kerajaan (GTP)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a) Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK)

FPK merupakan asas kepada sistem pendidikan di negara ini. Falsafah ini diperkenalkan sebagai tuju hala dan matlamat di dalam sistem dan rancangan pendidikannya (M. S. Alias, Nik Mohd Rahimi, & Ruhizan, 2011). Maka sesebuah kurikulum ataupun program pendidikan mestilah bertepatan, dan bersesuaian dengan FPK agar matlamat akhirnya selari dengan harapan negara. Program Pendidikan yang dibangunkan juga perlulah selaras dengan aspirasi wawasan Negara, supaya generasi yang dididik dapat memenuhi tuntutan negara pada masa hadapan (Mazli, 2018). Oleh itu, pengkaji akan menilai kesesuaian pelaksanaan KPP dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

b) Program Tranformasi Kerajaan (GTP).

GTP ialah sebuah program yang menyeluruh dan mengubah dasar Kerajaan supaya menjadi institusi yang lebih cekap dan mengutamakan rakyat. Program yang menekankan hasil kerja yang dapat memberi kepuasan kepada rakyat daripada perkhidmatan yang diberikan. Sektor pendidikan juga merupakan salah satu sektor awam yang diberi penekanan dibawah program GTP. Kerajaan telah merangka GTP berdasarkan kepada Prinsip 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan" (Maizatul Haizan & Wan Idros, 2014). Berasaskan kepada prinsip ini, pengkaji akan menjalankan kajian bagi menilai keselarian pelaksanaan KPP dengan Prinsip GTP.

Dimensi Penilaian Input berfokuskan penyediaan maklumat dan penggunaan sumber-sumber bagi memenuhi matlamat program yang dinilai. Ia lebih mengutamakan penggunaan pelbagai strategi dan kaedah yang membantu mencapai objektif program (Stufflebeam, 1971). Pengkaji menilai Dimensi Input yang terdiri daripada 3 sub konstruk iaitu perkongsian kepimpinan, perkongsian nilai, matlamat, visi dan misi serta aspek perhubungan.

a) Perkongsian Kepimpinan

Hord (1997) berpendapat bahawa sebuah organisasi sekolah membuat satu perubahan kepada komuniti pembelajaran berdasarkan keputusan pemimpin untuk berubah dan mampu memupuk pembangunan staf. Banyak kajian mula memberikan perhatian kepada kepemimpinan yang menyokong dalam membuat keputusan secara kolaboratif yang berfokuskan pencapaian murid. Oleh itu, elemen kepemimpinan menjadi satu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perkara yang utama dalam penambahbaikan sekolah berasaskan KPP di Malaysia. Ciri-ciri kepemimpinan yang diamalkan melalui kepemimpinan berkongsi antara ketua jabatan sekolah dan kakitangan sekolah memberi sokongan dalam berkongsi kepemimpinan yang membentuk amalan bekerja secara berkumpulan

b) Perkongsian nilai, matlamat, visi dan misi

Sesebuah komuniti menerima kepentingan kepada organisasi dan menterjemahkan kepada nilai-nilai dan norma-norma yang bertumpu kepada pencapaian pembelajaran murid (Miller, 2013), dan mencuba strategi baharu serta idea-idea baharu sebagai panduan untuk ke arah sekolah yang berkesan (Williams, 2013).

Sergiovanni (2001) menyatakan bahawa perkongsian nilai, matlamat, misi dan visi akan menjadi asas bagi menghubungkan individu dengan cara yang lebih bermakna. Setelah matlamat dibina, perkongsian nilai ditanam ke dalam individu di organisasi berkenaan dan ini akan meluaskan idea yang menggalakkan guru untuk bertindak balas tanggungjawab dan tingkah laku. Norhayati Ab Wahab (2009) berpendapat bahawa nilai dan kepercayaan menjadi panduan kepada tingkah laku individu dan menjadi perkara asas utama yang mendorong kepada pelaksanan KPP.

c) Aspek Perhubungan

Elemen aspek perhubungan melibatkan kemudahan, sumber, pengurusan masa, dana dan ruang (Tai & Omar, 2019). Kemudahan sekolah yang kondusif membantu guru mengendalikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran dengan selesa dan mengekalkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

komitmen mereka terhadap sekolah (Rohani, Dayang Norizah & Colonius, 2019). Peruntukan kewangan dan dana yang mencukupi dapat digunakan untuk pengendalian aktiviti sekolah (Roslizam, Jamilah & Yusof, 2018; Alias, Nik Mohd Rahimi & Ruhizan, 2001). Maka, guru akan lebih yakin, bermotivasi dan komited untuk menjalankan aktiviti kerana mendapat sokongan dari segi peruntukan kewangan.

Dimensi proses bertujuan untuk mengawal dan mengurus program yang sedang berlangsung bagi memastikan perjalanan program sama seperti mana yang telah dirancang (Ghazali & Sofean, 2016).) Pengkaji menilai Dimensi Input yang terdiri daripada 5 sub konstruk iaitu perkongsian amalan peribadi, amalan kolabratif, tumpuan kepada pembelajaran murid, dialog reflektif dan amalan terbaik pengajaran.

a) Perkongsian amalan peribadi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Elemen ini lebih berfokuskan proses yang menggalakkan guru-guru berinteraksi, menyediakan maklum balas, berkongsi keputusan dan pengalaman pembelajaran murid (Zuraidah, 2010; Ying Zhao, 2013). Amalan ini membantu guru mendalami kemahiran dan pengetahuan yang baharu daripada rakan sekerja. Guru dapat membimbing, membuat keputusan dan mencari alternatif menyelesaikan masalah antara satu sama lain.

b) Amalan Kolabratif

Mewujudkan KPP dalam amalan kolaboratif adalah strategi yang paling berkesan untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran di sekolah (DuFour & Mattos, 2013).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Elemen ini merangkumi empat ciri utama iaitu i) perkongsian maklumat, ii) guru-guru bekerja secara kolabratif untuk merancang, menyelesaikan masalah dan menambah baik peluang pembelajaran murid, iii) guru bersama-sama meneroka ilmu, kemahiran dan strategi baru dan iv) mengaplikasikan amalan pengajaran baru di dalam kerja guru seharian.

c) Tumpuan Kepada pembelajaran murid

Objektif utama seseorang guru adalah untuk meningkatkan pencapaian pembelajaran murid. Sesebuah sekolah terbaik, akan memberi memberi tumpuan kepada pembelajaran murid melalui proses KPP (DuFour et al., 2010). KPP menjadi panduan untuk membentuk kerjasama guru-guru dalam memberi tumpuan kepada meningkatkan pengajaran dan pembelajaran murid (Rentfro, 2007). Para pendidik haruslah memberikan tumpuan kepada pembelajaran murid jika mereka mahu meningkatkan pencapaian murid di sekolah masing-masing (DuFour & Mattos, 2013: Nor Hidayah, 2014).

d) Dialog reflektif

Perbualan yang mengutamakan tingkah laku pengajaran dan hasil pembelajaran supaya melatih guru membincangkan amalan pengajaran dan saling bekerjasama untuk memajukan diri. Guru-guru akan berbincang mengenai situasi dan cabaran yang mereka hadapi serta mencari penyelesaian bersama-sama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

e) Amalan terbaik pengajaran

Schmoker (2004) menegaskan cara terbaik untuk meningkatkan pengajaran dalam bilik darjah adalah membangunkan KPP guru yang berkolaboratif dan menyesuaikan amalan mereka. Jika murid tidak menjadi baik, guru perlu untuk memeriksa amalan dan kepercayaan mereka tentang murid dan bagaimana murid belajar (Ediger,1997). Profesional guru dipaksa untuk berubah apabila mereka memeriksa data dan kerja murid dan kemudian melihat secara kritikal amalan pengajaran mereka (Vandeweghe & Varney, 2006). Guru melihat prestasi murid sebagai gambaran pengajaran mereka.

Penilaian produk dijalankan untuk mengenal pasti dan menilai hasil program bagi menentukan sama ada ia berjaya atau tidak (Stufflebeam & Shinkfield, 2007). Tujuan penilaian produk untuk mengukur, mentafsir dan menilai hasil dapatan dengan tepat. Pengkaji menilai Dimensi produk yang terdiri daripada 2 sub konstruk iaitu pencapaian murid dan penambahbaikan berterusan.

a) Pencapaian Murid

Guru boleh menghasilkan tahap pencapaian yang tinggi untuk semua murid apabila bekerja sebagai sebahagian daripada KPP dengan memberi tumpuan kepada keputusan murid dan penambahbaikan yang berterusan (Morrissey, 2000). Data digunakan untuk membuat keputusan pengajaran adalah merupakan satu aspek penting dalam KPP.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

b) Penambahbaikan Berterusan

Sparks (1994) menyatakan bahawa usaha berterusan melebihi tiga hingga lima tahun, di mana kakitangan sekolah memberi fokus terhadap penambahbaikan yang berkaitan dengan matlamat sekolah merupakan kunci kepada kemajuan sekolah (DuFour, 2004). Perubahan yang positif memerlukan masa, fokus, dan komitmen daripada guru-guru dan pemimpin.

2.7 Kajian-kajian lepas

Rosenholtz (1989) mengatakan bahawa pelaksanaan KPP dalam kajian beliau telah memberi keputusan yang baik iaitu sebanyak 78 buah sekolah telah menunjukkan lampu hijau dalam peningkatan dalam pembelajarannya secara kolektif. Dengan ini, pengkaji dapat faham bahawa pelaksanaan KPP semestinya memberi impak yang besar kepada guru dan murid. Jika KPP dilaksanakan dalam kalangan guru Matematik ia dapat memberi pertimbangan dalam peningkatan prestasi murid-murid.

Menurut kajian Alysworth (2012), beliau mengatakan bahawa KPP ialah komponen yang penting dalam sekolah kerana guru dapat belajar antara satu sama lain ataupun secara koperatif. Dengan ini, banyak ilmu dapat dikongsi dan dapat menyelesaikan sesuatu masalah pembelajaran secara mudah dengan melibatkan kos yang agak rendah. Jika kita mengkaitkan perkara ini dengan matapelajaran Matematik, pelaksanaan KPP akan berkesan bila guru mula berkongsi idea tentang cara kerja membuat soalan Matematik. Sebagai contoh, setiap soalan mempunyai pelbagai jenis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

cara kerja. Dengan pelaksaanaan KPP guru- guru boleh berkolaboratif dan memilih cara kerja yang paling mudah untuk diajarkan balik kepada murid-murid.

Dalam kajian, Amalan komuniti pembelajaran professional (KPP) di sekolah berprestasi tinggi (SBT) Malaysia di sebuah sekolah Cina di Sarawak yang dikaji oleh Chong Chee Keong, Muhammad Faizal dan Zuraidah (2016) mendapati bahawa sekolah Cina yang terlibat telah melaksanakan KPP. Melalui kajian dapatan, pengkaji mendapati penggunaan KPP berada dalam tahap yang tinggi. Lebih-lebih lagi, pelbagai langkah telah dilakukan oleh guru-guru dalam memastikan amalan KPP ini sentiasa berlaku. Pengkaji memahami bahawa amalan KPP memang memberi kesan kepada penghasilan amalan belajar guru-guru di sekolah berkenaan. Dimensi berkongsi amalan peribadi memainkan peranan penting dalam amalan KPP dalam kalangan guru-guru SBT. Dapatan kajian menunjukkan guru – guru telah saling berkongsi idea dan maklumat yang berkaitan dengan pendidikan. Guru-guru juga telah bersikap terbuka menerima idea dan pandangan yang berbeza dan mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti berkaitan pembangunan kurikulum seperti rancangan pembelajaran tahunan. Pengkaji faham bahawa amalan KPP semestinya akan berkesan jika digunakan dalam matapelajaran Matematik melalui kajian ini.

Konsep KPP di negara Asia telah dikenalkan pada tahun 2000. Ini adalah untuk meningkatkan kualiti guru melalui pembelajaran kolaboratif. Konsep KPP telah diselitkan dalam kementerian Pendidikan negara Asia bagi membaik pulihkan taraf akademik di negara-negara masing-masing. Singapura, Thailand, Taiwan dan China merupakan negara pertama yang menggunakan konsep KPP mengikut sumber (Ho,Ong, Tan, 2019), (Prabjandee, 2019), (Chen, 2020). Pada tahun 2013, Malaysia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mula menggunakan konsep KPP ini bermula dengan lesson study. Sekolah rintis telah dipilih untuk menjalankan konsep ini. KPM juga meningkatkan kegiatan dalam PIPKK untuk menerapkan sifat-sifat profesionalisme pada setiap guru. Tetapi, di Malaysia konsep ini bersifatkan hieraki berbanding negara-negara lain. Hairon dan Dimmock (2012), pula berkata bahawa ketiadaan suara guru dalam menjalankan konsep KPP telah menyebabkan organisasi mengambil keputusan dalam sistem pendidikan. Di sini, penyelidik faham bahawa guru-guru merupakan aset penting dalam menjalankan konsep KPP kerana tanpa kerjasama guru pelaksanaan KPP tidak akan berjaya.

Kesimpulannya, kajian-kajian berasaskan KPP telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji luar negara terutamanya di Amerika Syarikat. Sebaliknya, konsep KPP di Malaysia masih belum menjadi topik kajian yang hangat terutamanya KPP dalam bidang pendidikan. Kajian negara barat mendapati ciri-ciri KPP terdapat dalam sesebuah komuniti pembelajaran iaitu i) perkongsian kepimpinan, ii) perkongsian nilai, misi dan visi, iii) pembelajaran secara kolektif, iv) perkongsian amalan dan v) suasana yang menyokong di sekolah. Kajian-kajian inilah menjadi panduan asas kepada penyelidikan pada masa hadapan.

2.8 Rumusan

Tinjauan literatur yang telah dinyatakan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu, membuktikan bahawa pentingnya satu kajian dijalankan ke atas perlaksanaan Komuniti Pembelajaran Profesional untuk menilai keberkesanan program ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selebihnya, kajian-kajian lepas membuktikan bahawa pelaksaanaan model KIPP menunjukkan kesan yang positif terhadap pelaksanaan KPP.

Penggunaan model KIPP untuk menilai pelaksanaan KPP telah menentukan idea yang baik dalam kajian ini. Dimensi KIPP menyumbang kepada penilaian keberkesanan pelaksanaan KPP melalui rangka kerja KIPP. Peranan guru juga boleh dikesan dengan teliti dalam kajian-kajian lepas. Pengkaji faham bahawa guru memang memainkan peranan yang penting dalam pelaksanaan KPP. Semua ulasan dalam bab ini memberikan maklumat yang sesuai bagi memenuhi keperluan utama kajian. Selebihnya, jika kita lihat melalui pandangan lain model ini dapat dijadikan amalan dalam semua jenis program. Justeru, bagi menilai pelaksanaan KPP dalam matapelajaran Matematik dan dalam kalangan guru Matematik Model KIPP digunakan untuk mengenal pasti kesan positif dan negatif serta batu sandangan dan cadangan penambahbaikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Metodologi kajian dikenali sebagai kaedah yang digunakan dalam penyelidikan untuk memperolehi data berkaitan dengan penyelidikan yang ingin dikaji. Pendek kata, bab ini membincangkan tentang prosedur menjalankan penyelidikan kajian ini. Maka bab ini akan menerangkan metodologi yang digunakan oleh penyelidik dalam menjalankan kajian bagi mendapatkan maklumat untuk mencapai hasil kajian yang tepat dan benar. Bab ini akan membincangkan reka bentuk kajian, populasi dan sampel, lokasi kajian, instrumen kajian, kaedah pengumpulan data dan analisis data yang secara mendalam melalui subtajuk yang ditentukan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2 Reka bentuk kajian

Reka bentuk kajian boleh dimaksudkan sebagai cara pengkaji menjalankan kajian dan prosedur untuk menjawab soalan kajian dengan lebih sistematik. Menurut Kerlinger (1970), reka bentuk kajian dimaksudkan sebagai satu cara atau peraturan pengolahan data yang dikumpul berdasarkan perancangan spesifik dan teratur terhadap konsep pembentukan hubungan antara pemboleh-pemboleh ubah yang dibina dalam sesuatu kajian. Reka bentuk kajian sangat penting untuk dibina bagi mengawal punca-punca bias yang boleh menganggu hasil dan dapatan kajian (Mc Millan & Schumacher, 2004)

Menurut Chua (2006), kajian berbentuk tinjauan ialah reka bentuk yang paling tepat untuk mendapatkan maklumat bagi sesuatu peristiwa yang sedang berlaku. Creswell (2005), pula berpendapat bahawa reka bentuk kajian tinjauan merupakan satu langkah yang dijalankan oleh pengkaji untuk menjalankan satu tinjauan terhadap sampel responden atau keseluruhan populasi dalam sesuatu penyelidikan. Pengkaji telah menggunakan kajian kuantitatif berbentuk tinjauan sebagai reka bentuk kajian dalam menjalankan kajian ini. Kajian tinjauan telah dipilih kerana ia dianggap paling sesuai untuk mendapat data daripada sampel dalam populasi yang mempunyai jumlah besar. Tambahan lagi, kaedah tinjauan dapat membantu untuk mengumpulkan maklumat secara tersusun dan terperinci mengenai sesuatu sikap dan tingkah laku tertentu, peristiwa, atau keadaan sosial, untuk mengetahui bagaimana proses perubahan tingkah laku berlangsung (Chua,2006).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3 Populasi dan sampel kajian

3.3.1 Populasi

Populasi merujuk kepada satu kelompok yang mempunyai ciri-ciri sama dengan tujuan kajian (Creswell, 2012). Populasi ialah sekumpulan kesemua subjek kajian sama ada manusia atau subjek yang menjadi fokus kajian. Mohd Majid Konting (2005), juga mendefinisikan populasi sebagai satu set ukuran yang berfokus ke atas sekumpulan individu atau subjek. Maka secara umumnya, populasi bermaksud sekumpulan besar individu, objek atau peristiwa yang hendak dikaji. Populasi juga menggambarkan kedudukan keseluruhan setiap satu individua tau objek dalam sesuatu kelompok.

Penyelidik harus lebih jelas dengan populasi kajian supaya boleh menentukan bilangan sampel kajian dan cara menentukan sampel kajian yang digunakan. Dalam kajian ini, penyelidik telah memilih guru-guru matematik di sekolah-sekolah rendah dalam daerah Petaling Perdana sebagai populasi kajian. Terdapat 89 buah sekolah rendah yang terdapat di bawah pentadbiran PPD Petaling Perdana.. Pengkaji telah memilih daerah Petaling Perdana sebagai lokasi kajian.

Pemilihan sampel dari populasi guru-guru Matematik di Daerah Petaling Perdana ini tetap berpotensi untuk digeneralisasikan guru-guru Matematik Malaysia kerana kurikulum matematik yang diajar, pentadbiran dalam sekolah dan khususnya kelayakan guru-guru yang mengajar Matematik adalah sama bagi semua sekolah rendah di Malaysia di bawah KPM.Daerah Petaling Perdana merupakan salah satu daripada 10 daerah yang terdapat dalam negeri Selangor. Terdapat 89 buah sekolah rendah di bawah PPD Petaling

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perdana. Pemilihan guru Matematik di bawah pentadbiran PPD Petaling Perdana sebagai responden kajian adalah berdasarkan pencapaian pelaksanaan PLC di daerah tersebut yang dilaporkan berada pada tahap yang kurang memuaskan di peringkat negeri Selangor. Hal ini memberi gambaran bahawa terdapat keperluan untuk menilai dan memperbaiki pelaksanaan PLC di daerah tersebut, khususnya dalam konteks pengajaran Matematik. Terdapat seramai 593 orang guru matematik yang mengajar di 89 buah sekolah rendah kerajaan di daerah Petaling Perdana.

3.3.2 Sampel Kajian

Setelah mengenalpasti populasi kajian pengkaji perlu menetapkan bilangan sampel kajian yang mencukupi untuk sesuatu kerja lapangan supaya dapat melaksanakan prosedur-prosedur statistik kajian yang dapat membuat generalisasi ke atas populasi kajian (Nurkumalasari, 2021). Menurut Chua (2016), proses memilih sebilangan subjek daripada sesuatu populasi sebagai responden kajian dikenali sebagai persampelan.

Berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970), jumlah populasi seramai 573 orang memerlukan saiz sampel minimum sebanyak 234 orang guru untuk menjalankan penyelidikan. Pengkaji membuat penambahan dalam edaran set soal selidik supaya menjadikan kesemua set soal selidik yang diedarkan sebanyak 250 set. Nurkumalasari (2021) menyatakan bahawa pertambahan sampel boleh dilakukan bagi mengelakkan kemungkinan berlakunya kekangan ke atas sampel asal seperti guru yang tiada di sekolah untuk tempoh yang lama kerana berkursus, cuti bersalin,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

cuti sakit, meninggal dunia ataupun tidak mahu memberi kerjasama. Pengkaji juga digalakkan mengambil saiz sampel yang besar kerana lebih ideal dan akan mengurangkan ralat standard dalam analisis. Manakala saiz sampel yang kecil tidak sesuai kerana ia akan meningkatkan ralat standard yang akan menjejaskan kebolehgeneralisasian keputusan, mengurangkan kuasa statistik sampel dan mengurangkan ketepatan anggaran (Habsah Muda et al., 2018).

Jadual 3.1

Jumlah Populasi dan Sampel

Jumlah populasi guru Matematik	Jumlah Sampel
573 orang	234 orang

Sumber: Krejcie dan Morgan (1970)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.3 Kaedah persampelan

Persampelan rawak mudah telah digunakan sebagai kaedah persampelan dalam proses untuk memilih sampel kajian. Hal ini kerana setiap individu dalam populasi mempunyai ciri yang sama dengan kajian dan mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai sampel kajian (Mohd Majid Konting, 2005). Maka pengkaji menyediakan senarai nama populasi guru Matematik sekolah rendah yang diperoleh daripada Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Perdana. Pengkaji melabelkan populasi mengikut nombor pada kepingan kad dan mencabut keluar secara rawak kepingan kad mengikut jumlah sampel kajian yang dikehendaki.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.4 Instrumen Kajian

Instrumen merupakan satu alat yang digunakan untuk mengumpul data kajian dalam penyelidikan. Penyelidik boleh menggunakan beberapa instrumen mengikut kesesuaian kajian masing-masing. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan instrumen soal selidik sebagai instrumen kajian untuk mendapatkan data bagi tujuan analisis dan menjawab persoalan kajian. Instrumen soal selidik boleh dikatakan sesuai dalam bidang pendidikan untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan benar. Hal ini kerana identiti responden tidak diketahui oleh penyelidik dan ia membolehkan responden untuk memberi gambaran yang sebenar tentang pendapat dan persepsi mereka dengan jujur (Mohd Majid, 1990).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun PustakaTBainun ptbupsi

Soal selidik yang baik akan menarik perhatian responden kajian untuk menjawab dengan ikhlas dan jujur dan tidak akan menimbulkan rasa bosan (Chua, 2006). Item soal selidik yang baik haruslah senang untuk difahami, ringkas, jelas dan dapat mewakili konsep operasional yang ingin dikaji dengan tepat dan telus. Maka pengkaji akan menggunakan soal selidik sebagai instrumen dalam kajian ini.

Penyelidik telah menggunakan instrumen soal selidik yang sedia ada yang diadaptasi daripada beberapa instrumen mengikut kesesuaian kajian. Sebagai proses permulaan, pengkaji merujuk kepada kesemua empat dimensi model penilaian KIPP dan merujuk kepada beberapa instrumen soal selidik yang berkaitan dengan KIPP. Antara instrumen soal selidik yang menggunakan model penilaian KIPP yang menjadi rujukan pengkaji adalah:-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1) Kajian Nor Hasnida (2016) bertajuk "Penilaian Pelaksanaan Sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di Malaysia.
2) Kajian Mohd Mazli (2018) bertajuk Menilai Pelaksanaan Program Linus 2.0 Di Sekolah-Sekolah Dalam Daerah Gombak.
3) Kajian Shapiee (2002), bertajuk "Program Pendidikan Khas di Sarawak : Satu Penilaian".

Setelah mendapat idea dan memahami skop setiap dimensi KIPP, item-item dibina berdasarkan konstruk-konstruk dalam kerangka konseptual yang diguna pakai dalam kajian-kajian lepas. Pengkaji telah merujuk dan mengadaptasi dari beberapa instrumen berkaitan KPP yang telah sedia ada dan boleh diterima pakai seperti :

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1) Adaptasi daripada instrumen " Amalan Komuniti Pembelajaran Profesional (KPP) Di Sekolah Berprestasi Tinggi (SBT) Malaysia: Sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (Sjkc) Di Sarawak" oleh Chong, et al. (2016).
2) Adaptasi daripada instrumen " Komuniti Pembelajaran Profesional Dalam Kalangan Warga Sekolah Menengah Di Malaysia" oleh Zuraidah Abdullah (2012).
3) Adaptasi daripada instrumen " Komuniti Pembelajaran Profesional Guru Bahasa Melayu Malaysia" oleh Siti Nafsiah Ismail, et al. (2020).
4) Adaptasi daripada insturmen "Menilai Pelaksanaan Program Linus 2.0 Di Sekolah-Sekolah Dalam Daerah Gombak" oleh Mohd Mazli (2018).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

C4	Pemimpin di sekolah saya sentiasa memberi peluang kepada guru-guru untuk melaksanakan perubahan.	6 (2.4%)	17 (6.8%)	53 (21.2%)	93 (37.2%)	81 (32.4%)	3.900	1.009
	Keseluruhan item Perkongsian Kepimpinan						**3.940**	**.952**

Nota, STS= sangat tidak setuju, TS= tidak setuju, TP = tidak pasti, S= setuju, SS= sangat setuju

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Persoalan Kajian 2. (b). Apakah persepsi guru terhadap perkongsian nilai, matlamat, visi dan misi?

Jadual 4.8 berkaitan dengan persepsi guru terhadap perkongsian nilai, matlamat, visi dan misi. Didapati bahawa hampir dua perlima responden (39.6%) setuju berbanding 8.8% tidak bersetuju menyokong nilai, matlamat, visi dan misi sekolah. Seterusnya hampir separuh (46.4%) bersetuju berbanding 8.4% responden tidak bersetuju bahawa visi dan misi sekolah sebagai garis panduan bagi pengajaran dan pembelajaran mereka. Manakala 35.6% bersetuju bahawa semua program di sekolah adalah selari dengan visi dan misi sekolah. Seterusnya didapati bahawa hampir satu perdua responden (48.8%) setuju berbanding hanya 4.0% tidak bersetuju proses kolaboratif wujud ketika membina perkongsian nilai dalam kalangan guru di sekolah. Hampir lebih daripada separuh (52.0%) bersetuju berbanding 4.8% responden tidak bersetuju bahawa keputusan dibuat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

selari dengan nilai, misi dan visi sekolah. Manakala 39.6% bersetuju bahawa matlamat sekolah lebih berfokus kepada pembelajaran murid daripada mementingkan pencapaian ujian mereka semata-mata dimana hanya 5.2% tidak bersetuju bagi item tersebut.

Julat min bagi item perkongsian nilai, matlamat, visi dan misi.ialah 3.820 hingga 3.960. Manakala secara keseluruhannya skor min persepsi guru terhadap perkongsian nilai, matlamat, visi dan misi adalah min= 3.880, sp= 0.956. Ini menunjukkan bahawa guru-guru bersetuju dengan perkongsian nilai, matlamat, visi dan misi sekolah. Namun pihak sekolah perlu pastikan perkongsian nilai, matlamat, visi dan misi sekolah dilaksanakan secara maksimum kepada guru bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

Jadual 4.8

Persepsi guru terhadap perkongsian nilai, matlamat, visi dan misi

BIL	ITEM	JUMLAH DAN PERATUS (%)					MIN	SP
		STS	TS	TP	S	SS		
D1.	Saya menyokong nilai, matlamat, visi dan misi sekolah	6 (2.4%)	22 (8.8%)	53 (21.2%)	99 (39.6%)	70 (28%)	3.820	1.016
D2.	Visi dan misi sekolah sebagai garis panduan bagi pengajaran dan pembelajaran saya.	6 (2.4%)	21 (8.4%)	40 (16.0%)	116 (46.4%)	67 (26.8%)	3.870	.983
D3.	Semua program di sekolah saya adalah selari dengan visi dan misi sekolah.	6 (2.4%)	20 (8.0%)	60 (24.0%)	89 (35.6%)	75 (30.0%)	3.830	1.025
D4	Proses kolaboratif wujud ketika membina perkongsian nilai dalam kalangan guru di sekolah saya.	4 (1.6%)	10 (4.0%)	53 (21.2%)	122 (48.8%)	61 (24.4%)	3.900	.868
D5	Keputusan dibuat selari dengan nilai, misi dan visi sekolah	5 (2.0%)	12 (4.8%)	37 (14.8%)	130 (52.0%)	66 (26.4%)	3.960	.886

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BIL	ITEM	JUMLAH DAN PERATUS (%)					MIN	SP
		STS	TS	TP	STS	TS		
D6	Matlamat sekolah lebih berfokus kepada pembelajaran murid daripada mementingkan pencapaian ujian mereka semata-mata	5 (2.0%)	13 (5.2%)	59 (23.6%)	99 (39.6%)	74 (29.6%)	3.900	.955
	Keseluruhan item perkongsian nilai, matlamat, visi dan misi						**3.880**	**.956**

Nota, STS= sangat tidak setuju, TS= tidak setuju, TP = tidak pasti, S= setuju, SS= sangat setuju

Persoalan Kajian 2. (c). Apakah persepsi guru terhadap aspek perhubungan?

Jadual 4.9 berkaitan dengan persepsi guru terhadap aspek perhubungan. Didapati bahawa majoriti responden (54.8%) bersetuju bahawa kemudahan fizikal sekolah seperti bilik guru, makmal bahasa, dan ICT mencukupi. Seterusnya lebih daripada satu perdua responden (53.2%) bersetuju berbanding hanya 3.2% tidak bersetuju bahawa pencapaian yang cemerlang dalam kalangan guru Matematik sentiasa diberikan pengiktirafan di sekolah. Manakala hampir tiga perlima responden (59.6%) bersetuju bahawa budaya saling mempercayai wujud dalam kalangan guru Matematik di sekolah. Namun sebanyak 5.6% responden tidak bersetuju bagi item E3. Seterusnya majoriti responden (51.2%) bersetuju bahawa masa berbincang diperuntukkan kepada guru untuk memudahkan kerja secara kolaboratif. Manakala berdasarkan item E5 dan E6, lebih separuh daripada jumlah responden (55.6%) bersetuju bahawa jurang perbezaan daripada segi kedudukan perjawatan (DG) yang tidak ketara antara guru telah mewujudkan kolaborasi antara rakan sekerja dan juga bersetuju bahawa sumber kewangan panitia Matematik di sekolah mencukupi.

Julat min bagi item aspek perhubungan ialah 3.970 hingga 4.160. Manakala secara keseluruhannya skor min persepsi guru terhadap aspek perhubungan adalah min

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

= 4.040, sp = 0.839. Ini menunjukkan bahawa guru-guru bersetuju dengan aspek perhubungan seperti aspek kemudahan fizikal, sumber kewangan, jurang perbezaan daripada segi kedudukan perjawatan (DG) yang tidak ketara antara guru dan budaya saling mempercayai wujud dalam kalangan guru Matematik daerah Petaling Perdana.

Jadual 4.9

Persepsi guru terhadap aspek perhubungan

BI	ITEM	JUMLAH DAN PERATUS (%)					MIN	SP
		STB	TB	N	S	SS		
E1.	Kemudahan fizikal sekolah saya mencukupi (bilik guru, makmal bahasa, ICT).	1 (0.4%)	8 (3.2%)	36 (14.4%)	137 (54.8%)	68 (27.2%)	4.050	.761
E2.	Pencapaian yang cemerlang dalam kalangan guru Matematik sentiasa diberikan pengiktirafan di sekolah saya.	5 (2.0%)	8 (3.2%)	27 (10.8%)	133 (53.2%)	77 (30.8%)	4.080	.849
E3.	Budaya saling mempercayai wujud dalam kalangan guru Matematik di sekolah saya.	3 (1.2%)	6 (2.4%)	15 (6.0%)	149 (59.6%)	77 (30.8%)	4.160	.740
E4.	Masa berbincang diperuntukkan kepada guru untuk memudahkan kerja secara kolaboratif.	5 (2.0%)	13 (5.2%)	33 (13.2%)	128 (51.2%)	71 (28.4%)	3.990	.898
E5.	Jurang perbezaan daripada segi kedudukan perjawatan (DG) yang tidak ketara antara guru telah mewujudkan kolaborasi antara rakan sekerja.	6 (2.4%)	10 (4.0%)	29 (11.6%)	139 (55.6%)	66 (26.4%)	4.000	.871
E6.	Sumber kewangan panitia Matematik di sekolah saya mencukupi	7 (2.8%)	14 (5.6%)	24 (9.6%)	139 (55.6%)	66 (26.4%)	3.970	.916
	Keseluruhan item aspek perhubungan						**4.040**	**.839**

Nota, STS= sangat tidak setuju, TS= tidak setuju, TP = tidak pasti, S= setuju, SS= sangat setuju

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.3 Dimensi Penilaian Proses / *Process* (P)

Persoalan Kajian 3. (a). Apakah persepsi guru terhadap aspek perkongsian amalan peribadi?

Jadual 4.10 berkaitan dengan persepsi guru terhadap aspek perkongsian amalan peribadi. Didapati bahawa sebilangan besar responden (56.4%) bersetuju bahawa guru menerima mendengar pandangan daripada pelbagai sumber seperti rakan sejawat, kerja berkumpulan, jawatankuasa sekolah, murid-murid dan ibu bapa berbanding hanya 3.2% yang tidak bersetuju. Seterusnya majoriti responden (56.8%) bersetuju berbanding hanya 4.4% responden tidak bersetuju bahawa mereka meluangkan masa untuk mengambil bahagian dalam aktiviti pembelajaran bersama-sama dengan rakan sejawat. Seterusnya item F3, majoriti responden (56.8%) bersetuju berbanding hanya 4.0% tidak bersetuju bahawa guru berkongsi pengetahuan dan kemahiran baru dengan rakan sejawat. Seterusnya hampir tiga perlima responden (59.6%) bersetuju berbanding hanya 2.4% tidak bersetuju bahawa mereka berkongsi perkembangan pencapaian murid dengan rakan sejawat. Manakala separuh daripada responden (51.2%) bersetuju bahawa mereka bersikap terbuka untuk diselia oleh warga sekolah seperti pengetua, rakan sejawat dan ibu bapa namun 5.2% pula tidak setuju untuk diselia. . Seterusnya hampir tiga perlima responden (59.2%) bersetuju bahawa mereka dibimbing untuk menyelesaikan masalah berkaitan sekolah dengan lebih berkesan.

Julat min bagi item aspek perkongsian amalan peribadi ialah 3.960 hingga 4.200. Manakala secara keseluruhannya skor min persepsi guru terhadap aspek perkongsian amalan peribadi adalah min = 4.070, sp = 0. 819. Ini menunjukkan bahawa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

guru-guru bersetuju bahawa aspek perkongsian amalan peribadi adalah penting dilaksanakan demi meningkatkan profesion perguruan mereka.

Jadual 4.10

Persepsi guru terhadap aspek perkongsian amalan peribadi

BIL	ITEM	JUMLAH DAN PERATUS (%)					MIN	SP
		STB	TB	TP	S	SS		
F1.	Saya mendengar pandangan daripada pelbagai sumber seperti rakan sejawat, kerja berkumpulan, jawatankuasa sekolah, murid-murid dan ibu bapa.	2 (0.8%)	8 (3.2%)	16 (6.4%)	141 (56.4%)	83 (33.3 %)	4.180	.752
F2.	Saya meluangkan masa untuk mengambil bahagian dalam aktiviti pembelajaran bersama-sama dengan rakan sejawat.	2 (0.8%)	11 (4.4%)	9 (3.6%)	142 (56.8%)	86 (34.4 %)	4.200	.769
F3.	Saya berkongsi pengetahuan dan kemahiran baru dengan rakan sejawat.	9 (3.6%)	10 (4.0%)	26 (10.4%)	142 (56.8%)	63 (25.2 %)	3.960	.917
F4.	Saya berkongsi dengan rakan sejawat maklumat mengenai perkembangan pencapaian murid	3 (1.2%)	6 (2.4%)	15 (6.0%)	149 (59.6%)	77 (30.8 %)	4.160	.740
F5	Saya bersikap terbuka untuk diselia oleh warga sekolah seperti pengetua, rakan sejawat dan ibu bapa.	5 (2.0%)	13 (5.2%)	33 (13.2%)	128 (51.2%)	71 (28.4 %)	3.990	.898
F6	Saya dibimbing untuk menyelesaikan masalah berkaitan sekolah.	6 (2.4%)	8 (3.2%)	29 (11.6%)	148 (59.2%)	59 (23.6 %)	3.980	.836
	Keseluruhan item aspek perkongsian amalan peribadi						**4.070**	**.819**

Nota, STS= sangat tidak setuju, TS= tidak setuju, TP = tidak pasti, S= setuju, SS= sangat setuju

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Persoalan Kajian 3. (b). Apakah persepsi guru terhadap aspek amalan kolabratif?

Jadual 4.11 berkaitan dengan persepsi guru terhadap aspek amalan kolabratif antara guru-guru matematik. Didapati majoriti responden (57.8.7%) bersetuju bahawa mereka berkolaboratif dengan rakan sejawat untuk membangunkan kurikulum sekolah berbanding hanya 4.8% responden yang tidak bersetuju dengan item ini. Seterusnya lebih daripada separuh responden (55.2%) bersetuju mereka berkolabortaif dengan rakan sejawat untuk melaksanakan program pengayaan murid. Ini adalah penting bagi memastikan kualiti pembelajaran murid dapat ditingkatkan. Manakala hampir tiga perlima responden (59.2%) bersetuju bahawa mereka berkolabratif dengan rakan sejawat untuk menilai pencapaian murid. Manakala hanya 4.4% responden pula tidak bersetuju dengan item G3 ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya majoriti responden (61.6%) bersetuju berbanding 3.2% tidak bersetuju bahawa mereka berkolabratif dengan rakan sejawat untuk membina instrumen penilaian pencapaian akademik murid. Sebilangan besar responden (58.4%) bersetuju bahawa mereka berkolabratif dengan rakan sejawat untuk mengenal pasti kaedah pengajaran baru. Hal ini kerana sebagai seorang guru, mereka perlu mempelbagaikan kaedah pengajaran mereka. Sebanyak dua pertiga responden (66.8%) bersetuju bahawa mereka berkolaboratif dengan rakan sejawat untuk berefleksi mengenai amalan terbaik sekolah.

Julat min bagi item aspek amalan kolabratif ialah 3.940 hingga 4.190. Manakala secara keseluruhannya skor min persepsi guru terhadap aspek amalan kolabratif adalah min = 4.060, sp = 0.809. Ini menunjukkan bahawa guru-guru bersetuju dengan amalan kolabratif antara satu sama lain bagi meningkatkan kualiti pengajaran mereka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.11

Persepsi guru terhadap aspek amalan kolabratif

BIL	ITEM	JUMLAH DAN PERATUS (%)					MIN	SP
		STB	TB	TP	S	SS		
G1.	Saya berkolaboratif dengan rakan sejawat untuk membangunkan kurikulum sekolah.	6 (2.4%)	12 (4.8%)	22 (8.8%)	144 (57.6%)	66 (26.4%)	4.010	.873
G2.	Saya berkolabortaif dengan rakan sejawat untuk melaksanakan program pengayaan murid.	2 (0.8%)	8 (3.2%)	16 (6.4%)	138 (55.2%)	86 (34.4%)	4.190	.757
G3.	Saya berkolaboratif dengan rakan sejawat untuk menilai pencapaian murid.	2 (0.8%)	11 (4.4%)	9 (3.6%)	148 (59.2%)	80 (32.0%)	4.170	.759
G4.	Saya berkolaboratif dengan rakan sejawat untuk membina instrumen penilaian pencapaian akademik murid.	8 (3.2%)	8 (3.2%)	23 (9.2%)	154 (61.6%)	57 (22.8%)	3.980	.859
G5	Saya berkolaboratif dengan rakan sejawat untuk mengenal pasti kaedah pengajaran baru.	9 (3.6%)	10 (4.0%)	27 (10.8%)	146 (58.4%)	58 (23.2%)	3.940	.907
G6	Saya berkolaboratif dengan rakan sejawat untuk berefleksi mengenai amalan terbaik sekolah.	3 (1.2%)	6 (2.4%)	16 (6.4%)	167 (66.8%)	58 (23.2%)	4.080	.704
	Keseluruhan item aspek amalan kolabratif						**4.060**	**.809**

Nota, STS= sangat tidak setuju, TS= tidak setuju, TP = tidak pasti, S= setuju, SS= sangat setuju

Persoalan Kajian 3. (c). Apakah persepsi guru terhadap tumpuan kepada pembelajaran?

Jadual 4.12 berkaitan dengan persepsi guru terhadap tumpuan guru kepada pembelajaran. Didapati bahawa hampir tiga perlima responden (60.8%) bersetuju mereka membangunkan pangkalan maklumat untuk memantau kemajuan murid. Namun 3.2% responden tidak bersetuju bagi item H1. Seterusnya sebanyak 53.6%

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

responden bersetuju bahawa mereka memberikan maklum balas positif untuk tugasan murid yang cemerlang. Secara langsung ini akan menggalakan murid untuk menyiapkan tugasan dengan cemerlang lagi. Manakala majoriti responden (57.6%) bersetuju mereka mengenal pasti program pengayaan untuk murid berpencapaian tinggi. Seterusnya hampir tiga perlima responden (59.2%) bersetuju bahawa mereka mewujudkan persekitaran pembelajaran yang merangsangkan bakat murid. Didapati 60.4% responden bersetuju berbanding hanya 3.2% tidak bersetuju bahawa mereka meluangkan waktu tambahan untuk murid berpencapaian rendah.

Julat min bagi item tumpuan guru kepada pembelajaran murid ialah 3.940 hingga 4.200. Manakala secara keseluruhannya skor min persepsi guru terhadap tumpuan guru kepada pembelajaran murid adalah min = 4.060, sp = 0.826. Ini menunjukkan bahawa guru-guru bersetuju dengan tanggungjawab guru dalam memberi tumpuan kepada pembelajaran murid-murid. Guru seharusnya memberi tumpuan yang secukupnya kepada murid-murid bagi membantu meningkatkan prestasi akademik mereka.

Jadual 4.12

Persepsi guru terhadap tumpuan kepada pembelajaran

BIL	ITEM	JUMLAH DAN PERATUS (%)					MIN	SP
		STB	TB	TP	S	SS		
H1.	Saya membangunkan pangkalan maklumat untuk memantau kemajuan murid.	6 (2.4%)	8 (3.2%)	30 (12.0%)	152 (60.8%)	54 (21.6%)	3.960	.825
H2	Saya memberikan maklum balas positif untuk tugasan murid yang cemerlang.	7 (2.8%)	12 (4.8%)	22 (8.8%)	134 (53.6%)	75 (30.0%)	4.030	.913
H3.	Saya mengenal pasti program pengayaan untuk murid berpencapaian tinggi.	2 (0.8%)	8 (3.2%)	12 (4.8%)	144 (57.6%)	84 (33.6%)	4.200	.739

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BIL	ITEM	JUMLAH DAN PERATUS (%)					MIN	SP
		STB	TB	TP	S	SS		
H4	Saya mewujudkan persekitaran pembelajaran yang merangsangkan bakat murid.	2 (0.8%)	12 (4.8%)	9 (3.6%)	148 (59.2%)	79 (31.6%)	4.160	.770
H5	Saya meluangkan waktu tambahan untuk murid berpencapaian rendah.	9 (3.6%)	8 (3.2%)	23 (9.2%)	151 (60.4%)	59 (23.6%)	3.970	0.885
	Keseluruhan item tumpuan kepada pembelajaran						**4.060**	**.826**

Nota, STS= sangat tidak setuju, TS= tidak setuju, TP = tidak pasti, S= setuju, SS= sangat setuju

Persoalan Kajian 3. (d). Apakah persepsi guru terhadap Dialog reflektif?

Jadual 4.13 berkaitan dengan persepsi guru terhadap amalan dialog reflektif. Didapati hampir dua pertiga responden (63.6%) bersetuju bahawa mereka menilai pencapaian rakan sejawat berdasarkan tahap kapasiti mereka. Seterusnya melebihi satu perdua responden juga (56.0%) bersetuju bahawa mereka melaksanakan tugas sekolah dengan adil. Manakala mojoriti besar responden (61.2%) bersetuju turut dicatatkan menerusi item I3 iaitu mereka cekap menguruskan masa bagi menjayakan usaha kolektif dalam kalangan warga sekolah. Seterusnya 55.6% responden bersetuju bahawa mereka bersikap profesional dalam membuat keputusan. Manakala tiga perlima responden (60.4%) bersetuju bahawa mereka peka dengan perkembangan pembelajaran murid berbanding hanya 2.8% tidak setuju bagi item I5 ini. Seterusnya majoriti responden (62.4%) bersetuju bahawa mereka berbincang tentang situasi pengajaran yang dihadapi dengan rakan manakala hanya 4.4% respondon tidak bersetuju bagi item tersebut.

Julat min bagi item amalan dialog reflektif ialah 3.980 hingga 4.200. Manakala secara keseluruhannya skor min persepsi guru terhadap amalan dialog reflektif adalah min= 4.100, sp= 0.777. Ini menunjukkan guru-guru bersetuju bahawa amalan dialog

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

reflektif memainkan peranan penting dalam profesion perguruan demi meningkatkan prestasi akademik murid.

Jadual 4.13

Persepsi guru terhadap dialog reflektif

BIL	ITEM	JUMLAH DAN PERATUS (%)					MIN	SP
		STB	TB	TP	S	SS		
I1.	Saya menilai pencapaian rakan sejawat berdasarkan tahap kapasiti mereka.	2 (0.8%)	5 (2.0%)	17 (6.8%)	159 (63.6%)	67 (5.9%)	4.140	.705
I2.	Saya melaksanakan tugas sekolah dengan adil.	4 (1.6%)	12 (4.8%)	20 (8.0%)	140 (56.0%)	74 (29.6%)	4.070	.842
I3	Saya cekap menguruskan masa bagi menjayakan usaha kolektif dalam kalangan warga sekolah.	5 (2.0%)	7 (2.8%)	30 (12.0%)	153 (61.2%)	55 (22.0%)	3.980	.796
I4	Saya bersikap profesional dalam membuat keputusan.	6 (2.4%)	11 (4.4%)	17 (6.8%)	139 (55.6%)	77 (30.8%)	4.080	.874
I5	Saya peka dengan perkembangan pembelajaran murid.	1 (0.4%)	7 (2.8%)	12 (4.8%)	151 (60.4%)	79 (31.6%)	4.200	.701
I6	Saya berbincang tentang situasi pengajaran yang dihadapi dengan rakan	2 (0.8%)	11 (4.4%)	9 (3.6%)	156 (62.4%)	72 (28.8%)	4.140	.745
	Keseluruhan item dialog reflektif						**4.100**	**.777**

Nota, STS= sangat tidak setuju, TS= tidak setuju, TP = tidak pasti, S= setuju, SS= sangat setuju

4.3.4 Dimensi Penilaian Produk / *Product* (P)

Persoalan Kajian 4. (a). Apakah persepsi guru terhadap Keberkesanan KPP dalam Pencapaian Murid?

Jadual 4.14 berkaitan dengan persepsi guru terhadap keberkesanan KPP dalam pencapaian murid. Didapati bahawa 50.4% bersetuju dan 42.4% sangat bersetuju bahawa KPP dapat meningkatkan pencapaian murid dalam Subjek Matematik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berbanding hanya 4.0% responden memilih neural. Ini menunjukkan guru-guru tersebut berpendapat bahawa KPP mampu meningkatkan prestasi Matematik murid. Manakala lebihi dua perlima responden (45.6%) bersetuju dan hampir dua perlima responden (38.8%) sangat bersetuju bahawa murid suka untuk membelajar matematik berbanding hanya kurang daripada satu perlima (15.6%) responden yang memilih tidak bersetuju dan neutral untuk item K3 ini.

Julat min bagi item keberkesanan KPP dalam pencapaian murid ialah 4.080 hingga 4.300. Manakala secara keseluruhannya skor min persepsi guru terhadap keberkesanan KPP dalam pencapaian murid adalah min = 4.180, sp = 0.885. Ini menunjukkan bahawa guru-guru bersetuju bahawa pelaksanaan KPP mampu membantu meningkatkan pencapaian murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.14

Persepsi guru terhadap Keberkesanan KPP dalam Pencapaian Murid

BIL	ITEM	JUMLAH DAN PERATUS (%)					MIN	SP
		STB	TB	TP	S	SS		
K1.	Pencapaian murid dalam Subjek Matematik meningkat.	5 (2.0%)	3 (1.2%)	10 (4.0%)	126 (50.4%)	106 (42.4%)	4.300	.777
K2.	Murid suka untuk membelajar matematik.	5 (2.0%)	9 (3.6%)	25 (10.0%)	114 (45.6%)	97 (38.8%)	4.160	.889
	Keseluruhan item Keberkesanan KPP dalam Pencapaian Murid						**4.180**	**.885**

Nota, STS= sangat tidak setuju, TS= tidak setuju, TP = tidak pasti, S= setuju, SS= sangat setuju

Persoalan Kajian 4. (b). Apakah persepsi guru terhadap Keberkesanan KPP dalam Penambahbaikan Berterusan?

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.15 berkaitan dengan persepsi guru terhadap keberkesanan KPP dalam penambahbaikan berterusan. Didapati bahawa sebahagian besar responden (52.4%) bersetuju berbanding 3.2% memilih tidak setuju bahawa mereka merancang tentang pengajaran mereka. Didapati bahawa lebih daripada separuh responden (56.4%) menyatakan mereka bersetuju mempunyai komitmen terhadap tugasan yang diamanahkan. Seterusnya sebilangan besar responden (52.8%) menyatakan masa pengajaran mereka mencukupi. Namun masih terdapat 2.4% respondon menyatakan bahawa mereka tidak setuju bagi item L3 ini.

Julat min bagi item keberkesanan KPP dalam penambahbaikan berterusan ialah 4.170 hingga 4.220. Manakala secara keseluruhannya skor min persepsi guru terhadap keberkesanan KPP dalam penambahbaikan berterusan adalah min = 4.210, sp = 0.764. Ini menunjukkan bahawa guru-guru bersetuju bahawa KPP mampu bantu dalam penambahbaikan berterusan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.15

Persepsi guru terhadap Keberkesanan KPP dalam Penambahbaikan Berterusan

BIL	ITEM	JUMLAH DAN PERATUS (%)					MIN	SP
		STB	TB	TP	S	SS		
L1	Saya membuat perancangan tentang pengajaran	1 (0.4%)	8 (3.2%)	24 (9.6%)	131 (52.4%)	86 (34.4%)	4.170	.759
L2	Saya mempunyai komitmen terhadap tugasan yang diamanahkan.	4 (1.6%)	6 (2.4%)	10 (4.0%)	141 (56.4%)	89 (35.6%)	4.220	.768
L3	Masa pengajaran saya mencukupi.	3 (1.2%)	6 (2.4%)	14 (5.6%)	132 (52.8%)	95 (38.0%)	4.240	.765
	Keseluruhan item Keberkesanan KPP dalam Penambahbaikan Berterusan						**4.210**	**.764**

Nota, STS= sangat tidak setuju, TS= tidak setuju, TP = tidak pasti, S= setuju, SS= sangat setuju

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.5 Pengujian Hipotesis

Persoalan Kajian 5. (H_a1). Terdapatnya hubungan antara dimensi penilaian konteks dengan dimensi penilaian input dalam pelaksanaan KPP.

Jadual 4.16 menunjukkan hasil analisis Korelasi Pearson antara dimensi penilaian konteks dengan dimensi penilaian input dalam pelaksanaan KPP. Hasil analisis menunjukkan terdapat hubungan positif antara dimensi penilaian konteks dengan dimensi penilaian input (r = .708, N = 250, p = 0.001). Ini adalah signifikan kerana nilai untuk p = .001 kurang daripada nilai alfa 0.050 dan korelasi Pearson untuk r = 0.708. Dengan merujuk kepada jadual kekuatan hubungan berasaskan Skala Cohen, Manion Dan Marrison (2011) mendapati bahawa terdapat hubungan yang kuat antara dimensi penilaian konteks dengan dimensi penilaian input dalam pelaksanaan KPP. Maka H_a1 diterima.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 4.16

Korelasi Pearson antara dimensi penilaian konteks dengan dimensi penilaian input dalam pelaksanaan KPP

		Dimensi Konteks	Dimensi Input
Dimensi Konteks	*Pearson Correlation*	1	.708**
	Sig. (2-tailed)		.001
	N	250	250
Dimensi Input	*Pearson Correlation*	.708**	1
	Sig. (2-tailed)	<.001	
	N	250	250

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Persoalan Kajian 5. (H_a2). Terdapatnya hubungan antara dimensi penilaian konteks dengan dimensi penilaian proses dalam pelaksanaan KPP.

Jadual 4.17 menunjukkan hasil analisis Korelasi Pearson antara dimensi penilaian konteks dengan dimensi penilaian proses dalam pelaksanaan KPP. Hasil analisis menunjukkan terdapat hubungan positif yang sederhana antara dimensi penilaian konteks dengan dimensi penilaian proses (r = .489, N = 250, p = 0.001). Ini adalah signifikan kerana nilai untuk p = .001 kurang daripada nilai alfa 0.050 dan korelasi Pearson untuk r = 0.489. Dengan merujuk kepada jadual kekuatan hubungan berasaskan Skala Cohen, Manion Dan Marrison (2011) mendapati bahawa terdapat hubungan sederhana kuat antara dimensi penilaian konteks dengan dimensi penilaian proses dalam pelaksanaan KPP. Maka H_a2 diterima.

Jadual 4.17

Korelasi Pearson antara dimensi penilaian konteks dengan dimensi penilaian proses dalam pelaksanaan KPP

		Dimensi Konteks	Dimensi Proses
Dimensi_Konteks	*Pearson Correlation*	1	.489**
	Sig. (2-tailed)		.001
	N	250	250
Dimensi_Proses	*Pearson Correlation*	.489**	1
	Sig. (2-tailed)	.001	
	N	250	250

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Persoalan Kajian 5. (H_a3). Terdapatnya hubungan antara dimensi penilaian konteks dengan dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan KPP.

Jadual 4.18 menunjukkan hasil analisis Korelasi Pearson antara dimensi penilaian konteks dengan dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan KPP. Hasil analisis menunjukkan terdapat hubungan positif kuat antara dimensi penilaian konteks dengan dimensi penilaian produk (r = .615, N = 250, p = 0.001). Ini adalah signifikan kerana nilai untuk p = .001 kurang daripada nilai alfa 0.050 dan korelasi Pearson untuk r = 0.615. Dengan merujuk kepada jadual kekuatan hubungan berasaskan Skala Cohen, Manion Dan Marrison (2011) mendapati bahawa terdapat hubungan kuat antara dimensi penilaian konteks dengan dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan KPP. Maka H_a3 diterima.

Jadual 4.18

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Korelasi Pearson antara dimensi penilaian konteks dengan dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan KPP

		Dimensi Konteks	Dimensi Produk
Dimensi_Konteks	*Pearson Correlation*	1	.615
	Sig. (2-tailed)		.001
	N	250	250
Dimensi_Produk	*Pearson Correlation*	.615	1
	Sig. (2-tailed)	.001	
	N	250	250

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Persoalan Kajian 5. (H_a4). Terdapatnya hubungan antara dimensi penilaian input dengan dimensi penilaian proses dalam pelaksanaan KPP.

Jadual 4.19 menunjukkan hasil analisis Korelasi Pearson antara dimensi penilaian input dengan dimensi penilaian proses dalam pelaksanaan KPP. Hasil analisis menunjukkan terdapat hubungan positif antara dimensi penilaian input dengan dimensi penilaian proses (*r* = .738, N = 250, p = 0.001). Ini adalah signifikan kerana nilai untuk p = .001 kurang daripada nilai alfa 0.050 dan korelasi Pearson untuk r = 0.738. Dengan merujuk kepada jadual kekuatan hubungan berasaskan Skala Cohen, Manion Dan Marrison (2011) mendapati bahawa terdapat hubungan yang kuat antara dimensi penilaian input dengan dimensi penilaian proses dalam pelaksanaan KPP. Maka H_a4 diterima.

Jadual 4.19

Korelasi Pearson antara dimensi penilaian input dengan dimensi penilaian proses dalam pelaksanaan KPP

		Dimensi_Input	Dimensi_Proses
Dimensi_Input	*Pearson Correlation*	1	.738**
	Sig. (2-tailed)		.001
	N	250	250
Dimensi_Proses	*Pearson Correlation*	.738**	1
	Sig. (2-tailed)	.001	
	N	250	250

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Persoalan Kajian 5. (H_a5). Terdapatnya hubungan antara dimensi penilaian input dengan dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan KPP.

Jadual 4.20 menunjukkan hasil analisis Korelasi Pearson antara dimensi penilaian penilaian input dengan dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan KPP. Hasil analisis menunjukkan terdapat hubungan positif antara dimensi penilaian penilaian input dengan dimensi penilaian produk (*r* = .704, N = 250, p = 0.001). Ini adalah signifikan kerana nilai untuk p = .001 kurang daripada nilai alfa 0.050 dan korelasi Pearson untuk r = 0.704. Dengan merujuk kepada jadual kekuatan hubungan berasaskan Skala Cohen, Manion Dan Marrison (2011) mendapati bahawa terdapat hubungan kuat antara dimensi penilaian penilaian input dengan dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan KPP. Maka H_a5 diterima.

Jadual 4.20

Korelasi Pearson antara dimensi penilaian input dengan dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan KPP

		Dimensi_Input	Dimensi Produk
Dimensi_Input	*Pearson Correlation*	1	.704**
	Sig. (2-tailed)		.001
	N	250	250
Dimensi_Produk	*Pearson Correlation*	.704**	1
	Sig. (2-tailed)	.001	
	N	250	250

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Persoalan Kajian 5. (H_a6). Terdapatnya hubungan antara dimensi penilaian proses dengan dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan KPP.

Jadual 4.21 menunjukkan hasil analisis Korelasi Pearson antara dimensi penilaian proses dengan dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan KPP. Hasil analisis menunjukkan terdapat hubungan positif antara dimensi penilaian proses dengan dimensi penilaian produk (*r* = .519, N = 250, p = 0.001). Ini adalah signifikan kerana nilai untuk p = .001 kurang daripada nilai alfa 0.050 dan korelasi Pearson untuk r = 0.519. Dengan merujuk kepada jadual kekuatan hubungan berasaskan Skala Cohen, Manion Dan Marrison (2011) mendapati bahawa terdapat hubungan kuat antara dimensi penilaian proses dengan dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan KPP. Maka H_a6 diterima.

Jadual 4.21

Korelasi Pearson antara dimensi penilaian proses dengan dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan KPP

		Dimensi Proses	Dimensi Produk
Dimensi_Proses	*Pearson Correlation*	1	.519**
	Sig. (2-tailed)		.001
	N	250	250
Dimensi_Produk	*Pearson Correlation*	.519**	1
	Sig. (2-tailed)	.001	
	N	250	250

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Persoalan Kajian 6 (H_a7). Sejauh manakah dimensi penilaian konteks, dimensi penilaian input dan dimensi penilaian proses mempengaruhi dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan KPP?

Ujian Linear Regresi Berganda telah dilakukan kepada data yang diperoleh untuk mengenal pasti sumbangan setiap dimesi KIP dalam meramal dimensi Produk pelaksanaan KPP. Berdasarkan jadual 4.22 menunjukkan bahawa pengaruh dimensi penilaian konteks, dimensi penilaian input dan dimensi penilaian proses ke atas dimensi penilaian produk. Seperti yang dilihat dalam jadual, nilai bagi R square adalah 0.480. Ini bermaksud pengaruh dimensi penilaian konteks, dimensi penilaian input dan dimensi penilaian proses ke atas dimensi penilaian produk ialah 48.0% (0.480 x 100%). Secara tidak langsung masih terdapat 52.0% faktor-faktor lain yang mempengaruhi dimensi penilaian produk. Oleh itu H_a7 diterima iaitu dimensi penilaian konteks, dimensi penilaian input dan dimensi penilaian proses mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan KPP.

Jadual 4.22

Sumbangan setiap dimensi KIP dalam meramal dimensi Produk dalam pelaksanaan KPP

					Change Statistics				
Model	*R*	*R Square*	*Adjusted R Square*	*Std. Error of the Estimate*	*R Square Change*	*F Change*	*df 1*	*df2*	*Sig. F Change*
1	.732[a]	.522	.472	.2612	.522	89.706	1	198	.000
2	.723[a]	.480	.511	.242	.042	77.786	1	189	.000

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Persoalan Kajian 7. (H_a8) 7.Yang manakah di antara dimensi penilaian konteks, dimensi penilaian input dan dimensi penilaian proses merupakan peramal terbaik untuk dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan KPP??

Jadual 4.23 menunjukkan bahawa dimensi penilaian konteks, dimensi penilaian input dan dimensi penilaian proses merupakan peramal ke atas dimensi penilaian produk. Di dapati bahawa daripada ketiga-tiga pembolehuba, hanya dua pembolehubah yang meramal. Dimensi Input merupakan peramal terbesar iaitu nilai beta 0.525 manakala dimensi proses juga menjadi peramal yang signifikan Dimana nilai beta 0.018. Dengan itu, dapatlah disimpulkan bahawa dimensi penilaian input merupakan peramal terbaik untuk dimensi penilaian produk. Oleh itu H_a8 diterima.

Jadual 4.23

Peramal terbaik untuk dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan KPP

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Coefficients[a]

Model		*Unstandardized Coefficients*		*Standardized Coefficients*		
		B	*Std. Error*	*Beta*	*t*	*Sig.*
1	(Berterusan)	1.560	.299		7.165	.000
	Min Proses	.614	.070	.529	8.776	.000
2	Dimensi_Konteks	.158	.042		3.748	.001
	Dimensi_Input	.185	.029	.525	6.485	.000
	Dimensi_Proses	.004	.014	.018	0.269	.000

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.6 Kesimpulan hipotesis kajian

Jadual 4.24

Kesimpulan Hipotesis Kajian

Hipotesis	Pernyataan hipotesis	Keputusan
H_a1	Terdapat hubungan di antara dimensi penilaian konteks dengan dimensi penilaian input dalam pelaksanaan KPP.	Diterima
H_a2	Terdapat hubungan di antara dimensi penilaian konteks dengan dimensi penilaian proses dalam pelaksanaan KPP.	Diterima
H_a3	Terdapat hubungan di antara dimensi penilaian konteks dengan dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan KPP.	Diterima
H4	Terdapat hubungan di antara dimensi penilaian input dengan dimensi penilaian proses dalam pelaksanaan KPP.	Diterima
H_a5	Terdapat hubungan di antara dimensi penilaian input dengan dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan KPP.	Diterima
H_a6	Terdapat hubungan di antara dimensi penilaian proses dengan dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan KPP.	Diterima
H_a7	Dimensi penilaian konteks, dimensi penilaian input dan dimensi penilaian proses mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan KPP.	Diterima
H_a8	Terdapat peramal yang terbaik antara dimensi penilaian konteks, dimensi penilaian input dan dimensi penilaian proses untuk dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan KPP.	Diterima

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.4 Rumusan

Bab ini telah melaporkan dapatan yang diperoleh melalui kajian yang telah dijalankan di sekolah-sekolah rendah dalam daerah Petaling Perdana yang melibatkan 250 responden. Data yang dikumpulkan dianalisis dengan menggunakan analisis statistik deskriptif, analisis korelasi Pearson dan analisis regresi. Setiap pemboleh ubah bebas diuji terhadap pembolehubah terikat. Berdasarkan analisis dan interprestasi yang telah dibuat, diharap ia mampu menjawab persoalan kajian dengan baik dan tepat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan, merumuskan dan mencadangkan dapatan kajian daripada analisis data yang diperolehi daripada bab 4 dengan mengaitkan teori-teori dan kajian lampau. Dapatan kajian ditulis mengikut susunan objektif atau soalan kajian dan dibincangkan secara kritikal. Sebarang penemuan kajian disimpulkan selari dengan soalan kajian. Cadangan dapatan kajian ini melibatkan cadangan kepada organisasi dan cadangan untuk penyelidikan yang akan datang.

5.2 Ringkasan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menilai pelaksanaan komuniti pembelajaran profesional guru matematik sekolah rendah di daerah petaling perdana. Komuniti pembelajaran profesional merujuk kepada amalan kolaboratif dalam kalangan pendidik dan pemimpin sekolah yang komited secara bersama-sama menetapkan matlamat dan membina wawasan secara kolektif untuk mencapai matlamat yang ditetapkan. Hasilnya pembangunan profesionalisme dapat ditingkatkan secara berterusan sepanjang kerjaya (KPM, 2013). Kajian ini melibatkan 250 orang guru yang mengajar Matematik di daerah Petaling Perdana sebagai responden.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian ini adalah kajian kuantitatif berbentuk kaedah tinjauan. Instrumen soal selidik telah digunakan dalam kajian ini. Instrumen ini mengandungi 54 item. Kerangka konseptual yang digunakan untuk kajian ini adalah adaptasi daripada Model Penilaian KIPP. Model KIPP merupakan singkatan untuk Dimensi Penilaian Konteks, Input, Proses dan Produk. Setelah proses pengumpulan data dijalankan, data akan dianalisis menggunakan program SPSS versi 27. Analisis data statistik deskriptif, analisis korelasi dan regresi digunakan untuk menjawab kesemua persoalan kajian yang telah dikemukakan.

5.3 Perbincangan Kajian

Terdapat 7 persoalan kajian yang harus dijawab oleh pengkaji di dalam bab ini. Ia meliputi 12 subkonstruk yang terkandung di dalam 4 konstruk utama iaitu dimensi penilaian konteks, input, proses dan produk.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.1 Persoalan Kajian 1. Apakah persepsi guru terhadap dimensi konteks?

Analisis deskriptif dijalankan bagi melihat persepsi guru terhdap pelaksanaan KPP dengan FPK dan GTP.Berdasarkan dapatan kajian mendapati bahawa secara keseluruhannya guru-guru bersetuju pelaksanaan KPP bersesuaian dengan FPK kerana dapatan berada pada tahap sangat tinggi menerusi perolehan nilai min melebihi 4.0. Maka ia menggambarkan bahawa guru-guru bertanggapan positif terhadap FPK dalam pelaksanaan KPP mampu untuk memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh, bagi mewujudkan insan yang harmonis dan melahirkan rakyat yang berilmu pengetahuan. Ini adalah selari dengan objektif pelaksanaan KPP dimana ia menyediakan peluang berlakunya aktiviti perkongsian ilmu, kepakaran dan Kerjasama dalam kalangan guru lalu meningkatkan kualiti dan amalan pengajaran dan pembelajaran guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Bahagian Pendidikan Guru, 2016). Secara langsungnya, ia menunjukkan pelaksanaan KPP adalah sebahagian dari usaha untuk menyokong dan membantu merealisasikan FPK.

Dapatan kajian ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Mazli (2018) yang menyatakan bahwa guru-guru bersetuju bahawa matlamat Program Linus 2.0 releven dengan FPK. Maka ini jelas menunjukkan bahawa KPM memang mengambil kira kepentingan masyarakat dan kehendak negara dalam pelaksanaan sesuatu program. Berdasarkan dapatan kajian guru-guru juga bersetuju bahawa pelaksanaan KPP bersesuaian dengan prinsip GTP iaitu suatu usaha kerajaan yang menepati konsep keadilan kepada semua rakyat Malaysia, yang menumpukan perhatian kepada bidang pendidikan bagi membuat perubahan penting demi mendatangkan hasil yang dapat dirasai oleh rakyat.

Pendidikan merupakan pencetus kreativiti dan penjana inovasi generasi muda dengan keperluan kemahiran tertentu dalam persaingan pasaran kerja dan perkembangan ekonomi keseluruhannya (KPM, 2013). Tidak dinafikan bahawa guru berperanan dalam memperkasakan murid dalam pelbagai bidang suapaya berkreatif dan berkebolehan. Keberkesanan penerapan nilai murni dalam FPK turut menekankan pembentukan individu yang seimbang dan hamonis. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Maizatul Haizan dan Wan Idros (2014) berkaitan GTP mendapati bahawa Laporan GTP menunjukkan bahawa objektif beberapa bidang NKRA telah dapat dicapai dengan jayanya walaupun dalam tempoh masa yang singkat seperti yang dirancang. Walau bagaimanapun, kesan ke atas rakyat mengambil masa yang terlalu panjang untuk direalisasikan dan ia memerlukan kerjasama yang berterusan oleh kakitangan kerajaan. Justeru, para pendidik haruslah menunjukkan usaha tinggi dan sentiasa mencabar diri bagi mencapai prestasi tertinggi dalam pelaksanaan KPP supaya ia selari dengan Prinsip GTP.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.2 Persoalan Kajian 2. Apakah persepsi guru terhadap Dimensi Input?

Analisis deskriptif dijalankan bagi melihat persepsi guru terhadap Perkongsian kepimpinan dalam melaksanakan KPP. Transformasi pendidikan melalui PPPM 2013 – 2025 berhasrat untuk meningkatkan kualiti PdP di sekolah. Kepemimpinan yang berkesan berasaskan kepada strategi yang digunakan oleh pemimpin sekolah. Kejayaan pelaksanaan KPP bergantung kepada kepimpinan guru besar ataupun pengetua di sekolah kerana mereka bertanggungjawab untuk membina langkah dan membudayakan KPP yang bersesuaian dengan konteks sekolah masing-masing (DuFour, 2016). Dapatan kajian telah menunjukkan bahawa guru-guru bersetuju bahawa pemimpin di sekolah membimbing guru menjadi seorang pemimpin, berkongsi kuasa dengan guru, bertanggungjawab tentang keputusan yang dibuat dan sentiasa memberi peluang kepada guru-guru untuk melaksanakan perubahan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan ini adalah selari dengan kajian Clarke (2009) menyatakan bahawa pengetua menurunkan kuasanya kepada guru penolong kanan supaya mereka boleh membantu untuk mencerap dan menyelia guru-guru lain dalam usaha meningkatkan lagi kualiti pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Hal ini kerana bagi memastikan sekolah mempunyai matlamat yang sama dan ia telah membuahkan hasil. Selain itu dapatan kajian yang dijalankan oleh Angelle, Nixon, Norton dan Niles (2011) juga menunjukkan kepimpinan memberi kesan yang positif dalam pembangunan organisasi kerana ia lebih mementingkan peranan dan tanggungjawab seorang guru.

Dapatan kajian Siti Nafsiah Ismail, Zuraidah Abdullah, Abdul Jalil Otman (2020) pula menunjukkan guru Bahasa Melayu sekolah amanah, sekolah transformasi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan sekolah berprestasi tinggi kurang memberikan perhatian kepada aspek ini. Amalan ini lebih berfokus kepada barisan pentadbir yang memberikan sokongan dan bimbingan kepada pihak guru dalam berkongsi kuasa dan bertanggungjawab terhadap keputusan yang dibuat.

Manakala analisis deskriptif dijalankan bagi melihat persepsi guru terhadap perkongsiaan nilai, matlamat, visi dan misi sekolah dengan pelaksanaan KPP. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru-guru bersetuju dengan perkongsian nilai, matlamat, visi dan misi sekolah. Walaubagaimanapun pihak sekolah perlu sentiasa memastikan perkongsian nilai, matlamat, visi dan misi sekolah dilaksanakan secara maksimum kepada guru bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan kajian Victor Jibsen (2018), perkongsian nilai, matlamat, misi dan visi yang berfokuskan kepada kerjasama guru dapat mencapai kecemerlangan bersama. Kajian ini juga menekankan bahawa pemimpin perlu memupuk guru untuk menghayati nilai, matlamat, misi dan visi sekolah supaya kolabrasi antara guru mencapai. Manakala kajian Paulinia (2021) menyatakan tahap aspek nilai dan visi dikongsi bersama merupakan amalan yang paling utama dalam membangunkan KPP dalam kalangan penolong kanan kokurikulam bagi sekolah-sekolah rendah daerah Ranau. Melalui kajian ini dapat menjelaskan bahwa aspek ini mampu menentukan arah tuju semua ahli komuniti guru di sesebuah sekolah dan membangunkan pembelajaran guru-guru berlaku secara berterusan dalam menjayakan penambahbaikan program sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dapatan kajian Paulinia (2021), menunjukkan amalan persekitaran menyokong dari segi hubungan dan struktur berada pada tahap tinggi yang diamalkan oleh penolong-penolong kanan kokurikulam di sekolah kajian. Kajian ini bersetuju bahawa KPP terbentuk disekolah melalui hubungan manusia dan struktur yang terdapat di sesebuah sekolah tersebut. Berdasarkan dapatan kajian, guru-guru bersetuju dengan aspek perhubungan dalam pelaksanaan KPP seperti aspek kemudahan fizikal, sumber kewangan, jurang perbezaan daripada segi kedudukan perjawatan (DG) yang tidak ketara antara guru dan budaya saling mempercayai wujud dalam kalangan guru Matematik daerah Petaling Perdana.

Amalan yang menyediakan struktur-struktur yang menyokong di sekolah dapat membentuk suasana yang menggalakkan KPP dilaksanalan dengan lebih berkesan. Dapatan ini juga mempunyai persamaan dengan dapatan kajian Siti Nafsiah Ismail Zuraidah Abdullah, Abdul Jalil Otman (2020) yang bersetuju bahawa penyediaan kemudahan dan sumber yang berkesan dapat membina kualiti persekitaran sekolah yang bermakna dan mempengaruhi tingkah laku para guru supaya dapat menjadi lebih kreatif terhadap pdpc mereka.

Manakala kajian yang dijalankan oleh Jennifer (2014) juga menekankan bahawa aspek ini penting bagi mewujudkan perhubungan antara para pendidik demi mewujudkan suasana sekolah yang baik dan bersesuaian dengan ahli komuniti tersebut. Amalan ini juga dapat meningkatkan kualiti pendidikan sesebuah sekolah kerana ia menunjukkan usaha para pendidik dalam menambahbaikan infrastuktur yang terdapat di dalam sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.3 Persoalan Kajian 3. Apakah persepsi guru terhadap dimensi proses?

Analisis deskriptif dijalankan bagi melihat persepsi guru terhadap perkongsian amalan peribadi; amalan kolabratif; tumpuan kepada pembelajaran murid; dialog reflektif dan amalan terbaik pengajaran dalam melaksanakan KPP. Pelaksanaan KPP membuatkan guru berkongsi amalan peribadi pengajaran mereka, membuatkan guru sentiasa bersedia dengan amalan berkolabratif tentang pengajaran dan pembelajaran berserta memberi peluang rakan-rakan guru menilai pengajaran mereka. Menerusi dapatan kajian, perolehan nilai min melebihi 4.0 menunjukkan tahap yang sangat tinggi. Ia menggambarkan bahawa guru-guru mempunyai tanggapan positif terhadap keperluan terhadap pelaksanaan KPP di sekolah. Penggunaan KPP memberi peluang kepada guru untuk berkongsi pengetahuan dan kemahiran mereka. Ini disokong oleh Owen (2014) bahawa pengetahuan dicipta, dikongsi, disemak semula dan diamalkan di dalam sesebuah komuniti ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan subkonstruk pertama yang terdapat dalam dimensi Proses dalam Jadual 4.10 mendapati bahawa sebanyak 59.6% guru bersetuju bahawa pelaksanaan KPP membantu mereka berkongsi dengan rakan sejawat mengenai perkembangan murid. Selain itu, keduanya menjadi pilihan guru paling tinggi iaitu 59.2% guru bersetuju bahawa pelaksanaan KPP memberi bimbingan kepada para guru dalam menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan sekolah.

Secara langsungnya, kajian ini amat mementingkan keperluan berkongsi amalan peribadi. Semua guru seharusnya berkongsi amalan perbadi dan menerima perbincangan dengan hati terbuka. Louis, Kruse & Bryk (1995) juga berpendapatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bahawa penilaian kendiri guru ialah satu amalan biasa dalam KPP. Amalan ini merupakan salah satu usaha rakan sekerja dalam membantu rakan mereka yang memerlukan. Amalan ini juga dikenali sebagai kesedaran seseorang pendidik dengan komuniti sekolah dalam melaksanakan penambahbaikan (Boyer, 2010). Walaubagaimanapun kejayaanya bergantung kepada amalan saling menghormati dan mempercayai antara satu sama lain dalam sesebuah komuniti sekolah (Darling Hammond, 1996). Dapatan kajian ini pula menunjukkan bahawa guru-guru bersetuju bahawa aspek perkongsian amalan peribadi adalah penting dilaksanakan demi meningkatkan profesion perguruan mereka.

Kajian ini juga telah menunjukkan bahawa guru-guru sanggup mengamalkan amalan kolaboratif demi meningkatkan prestasi pencapaian sekolah dan murid-murid disamping itu, menambahbaik kemahiran dan pengetahuan dalam pembelajaran dan pengajaran. Dapatan kajian ini juga selaras dengan pendapat Reichstetter (2006) dan Stoll et al. (2005) yang menyatakan budaya kolaboratif dalam kalangan guru yang sanggup berkongsi tanggungjawab dan bergerak dalam satu pasukan dapat meningkatkan pembelajaran murid.

Amalan kolaboratif guru ini dapat dilihat semasa guru merancang, membangunkan kurikulum, memilih sumber pengajaran, dan menyelesaikan isu pengajaran rakan guru. Menurut Dufour & Mattos (2013) budaya kolaboratif merupakan strategi yang paling efektif dalam meningkatkan pengajaran di sekolah. Hal ini kerana, ia dapat dilihat secara ketara bahawa guru yang mengamalkan budaya kolaboratif mempunyai amalan yang berbeza berbanding dengan guru yang bergantung kepada pihak pentadbir. Maka bagi mengatasi situasi ini pentadbir sekolah haruslah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menggalakan amalan kolaboratif ini di sekolah. Tambahan lagi, dapatan ini juga bersamam dengan dapatan Muzirah & Nurhana (2013) yang menyatakan guru dapat mengubah amalan pengajaran guru dan meningkatkan pembelajaran murid apabila bekerja secara kolaboratif dan melibatkan sokongan rakan sekerja.

Analisis deskriptif dijalankan bagi melihat persepsi guru terhadap tumpuan kepada pembelajaran murid dalam melaksanakan KPP. Persepsi guru terhadap tumpuan kepada kepada pembelajaran murid membantu meningkatkan prestasi akademik murid. Menerusi dapatan kajian, perolehan nilai min melebihi 4.0 menunjukkan tahap yang sangat tinggi. Ini menunjukkan bahawa guru-guru bersetuju dengan tanggungjawab guru dalam memberi tumpuan kepada pembelajaran murid-murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan subkonstruk ketiga yang terdapat dalam dimensi Proses dalam Jadual 4.12 mendapati bahawa sebanyak 60.8% guru bersetuju bahawa pelaksanaan KPP membantu guru untuk membangunkan pangkalan maklumat untuk memantau kemajuan murid selain itu, menjalankan kajian tindakan bersama rakan sejawat untuk menyelesaikan permasalahan murid. Selain itu, keduanya menjadi pilihan guru paling tinggi iaitu 59.2% guru bersetuju bahawa pelaksanaan KPP mewujudkan persekitaran pembelajaran yang merangsangkan bakat murid.

Maka ini menggambarkan bahawa guru-guru mempunyai tanggapan positif guru terhadap tumpuan kepada pembelajaran murid dalam melaksanakan KPP dalam kalangan guru. Guru seharusnya memberi tumpuan yang secukupnya kepada murid-murid bagi membantu meningkatkan prestasi akademik mereka. Dapatan kajian ini menunjukkan guru-guru memang memberi tumpuan kepada pembelajaran murid di

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mana mereka memberi komitmen yang tinggi dalam proses peningkatan kualiti hasil pembelajaran dan pengajaran murid-murid di sekolah. Ini dapat dibuktikan melalui guru-guru yang memahami peranan mereka untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada murid-muridnya.

Dapatan ini mempunyai persamaan dengan kajian (Siti Nafsiah, Zuraidah Abdullah & Abdul Jalil Othman, 2020) yang menyatakan guru Bahasa Melayu mengamalkan pengajaran mengikut tahap keupayaan murid, berfokus terhadap pembelajaran kolektif murid, berbincang tentang perkembangan murid dan kurikulum yang berfokuskan pembelajaran murid. Kajian ini juga menekankan bahawa guru melaksanakan perbincangan, membuat keputusan berkaitan pembelajaran serta kurikulum yang memberikan tumpuan kepada hasil pembelajaran murid. Tambahan lagi, dapatan ini juga disetujui dengan kajian DuFour & Mattos (2013), Dimana ia menyatakan pihak sekolah dan guru-guru perlulah memberikan tumpuan kepada pembelajaran murid supaya meningkatkan pencapaian murid di sekolah,

Menurut dapatan kajian berkenaan amalan dialog reflektif, guru-guru sekolah membincangkan perkara mengenai penilaian pencapaian rakan sejawat, pengurusan masa bagi menjayakan usaha kolektif, bersikap profesional dalam membuat keputusan serta berbincang tentang situasi pengajaran yang dihadapi dengan rakan. Berdasarkan subkonstruk keempat yang terdapat dalam dimensi Proses dalam Jadual 4.13 mendapati bahawa sebanyak 62.4% guru bersetuju bahawa pelaksanaan KPP saling bertukar pendapat berkenaan pengajaran dan pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi memastikan peningkatan prestasi sekolah dan murid-murid kesemua aspek tersebut dibuat secara berterusan oleh guru-guru. Walaubagaimanapun, guru-guru perlu menjalankan kajian tindakan sebagai satu langkah untuk mengimbas kembali kelebihan dan kelemahan pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas serta melakukan refleksi yang lebih lanjut dalam keberkesanan kemahiran mengajar (Chong Chee Keong, 2016). Menurut Pun & Mansor (2022) amalan dialog reflektif yang tinggi juga dapat menunjukkan bahawa guru-guru bersedia untuk berkongsi idea dan mencuba strategi yang berlainan dalam meningkatkan kaedah pengajaran.

Dufour (2004) pula menyatakan, dialog reflektif dalam pembelajaran murid merupakan aspek yang penting dalam pelaksanaan KPP di sekolah. Selain itu, guru-guru dapat mengubahsuai strategi pengajaran mereka dengan bantuan amalan dialog reflektif. Dapatan kajian ini bersamaan dengan dapatan kajian Dina Mazlina & Abdul Rashid (2016), yang menyatakan perkongsian ilmu dan dialog reflektif dalam secara terancang membantu guru-gurud untuk membuat pengubahsuaian dalam strategi dan teknik yang bersepadan dengan pendidikan terkini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.4 Persoalan Kajian 4. (a). Apakah persepsi guru terhadap dimensi produk?

Analisis deskriptif dijalankan bagi melihat persepsi guru terhadap pelaksanaan KPP dalam membantu meningkatkan pencapaian murid penambahbaikan berterusan. Pelaksanaan KPP membuatkan guru menyedari pentingnya pencapaian murid secara holistik. Menerusi dapatan kajian, perolehan nilai min melebihi 4.0 menunjukkan tahap yang sangat tinggi. Ia menggambarkan bahawa guru-guru mempunyai tanggapan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

positif terhadap peningkatan pencapaian murid dan pemanbahbaikan berterusan dalam pelaksanaan KPP di sekolah.

Berdasarkan subkonstruk pertama yang terdapat dalam dimensi Produk dalam Jadual 4.13 mendapati bahawa sebanyak 42.2% guru samgat bersetuju bahawa pelaksanaan KPP memberi keberkesanan yang sangat positif terhadap pencapaian murid. Sekaligus menjadi pilihan guru paling tinggi berbanding 45.6% guru bersetuju bahawa pelaksanaan KPP membuatkan murid-murid suka akan mata pelajaran Matematik. Ia menggambarkan bahawa guru-guru mempunyai tanggapan positif terhadap keberkesanan pelaksanaan KPP terhadap pencapaian murid.

Sekiranya guru dapat memberikan fokus yang berlebihan kepada pembelajaran murid, menganalisis maklumat dan data penilaian untuk melaksanakan pembelajaran dan pengajaran di dalam kelas, maka pencapaian tinggi murid dapat dicapai dengan lebih mudah (DuFour et al.,2010; Evans, 2011). Dapatan kajian Evans (2011) juga mempunyai pendapat yang sama iaitu menyatakan bahawa maklumat data dan hasil kerja murid menjadi panduan kepada guru untuk melaksanakan pengajaran demi pencapaian akademik murid. Maka secara langsungnya komitmen guru dalam penghasilan Pdpc yang kreatif dan penyampaian pembelajaran yang jelas dapat menarik minat para murid lalu meningkatkan prestasi akademik mereka.

Berdasarkan subkonstruk kedua yang terdapat dalam dimensi Produk dalam Jadual 4.14 mendapati bahawa sebanyak 56.4% guru bersetuju bahawa pelaksanaan KPP memberi dorongan yang sangat positif terhadap penambahbaikan berterusan mereka sendiri. Ia menggambarkan bahawa guru-guru mempunyai tanggapan positif

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

terhadap keberkesanan pelaksanaan KPP terhadap penambahbaikan berterusan mereka dalam pembelajaran dan pengajaran.

Berdasarkan dapatan kajian ini, penyelidik bersetuju bahawa guru mempunyai komitmen dari segi masa pengajaran, tugasan murid dan komitmen terhadap tugas yang diamanahkan. Dapatan ini mempunyai persamaan dengan kajian DuFour (2010) yang menyatakan bahawa rahsia kemajuan sekolah adalah sentiasa berusaha secara berterusan demi penambahbaikan sekolah. Walaubagaimanapun Xiao Sai & Saedah Siraj (2015) menyatakan bahawa perubahan ini bergantung kepada masa, fokus dan komitmen guru serta pentadbir sekolah. Penambahbaikan secara berterusan terhadap kualiti guru dan pengajaranya merupakan elemen penting dalam era pendidikan. Maka, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelaksanaan KPP memenuhi keperluan guru-guru untuk meningkatkan kualiti pengajaran secara berterusan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.3.5 Persoalan Kajian 5. Apakah perhubungan antara K, I, P dan P dalam pelaksanaan KPP?

Nilai korelasi Pearson telah dijalankan untuk menentukan hubungan antara setiap dimensi penilaian. Berdasarkan analisis, data menunjukkan korelasi positif yang kuat antara dimensi penilaian Konteks dengan dimensi penilaian Input. Maka, terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi guru terhadap dimensi penilaian Konteks dengan dimensi penilaian Input dalam pelaksanaan KPP.

KPP merupakan sebahagian daripada kualiti guru di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Ia yang diperkenalkan oleh Datuk Seri Najib

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tun Razak sebagai satu langkah untuk meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) murid-murid khususnya bagi memenuhi keperluan dan kehendak negara ke arah melahirkan generasi modal insan yang seimbang dan berprestasi tinggi serta cintakan negara. Hasil kajian pengkaji disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Noor Diyana & Jamalul Lail (2021), melihat hubungan antara tahap amalan kepimpinan instruksional pengetua dengan tahap amalan KPP dengan hasrat kementerian. Hasil kajian ini mendapati bahawa wujud hubungan yang signifikan antara KPP dengan hasrat kementerian. Ini membolehkan KPM untuk mencapai dua daripada 11 anjakan, iaitu anjakan empat dan lima yang telah digariskan dalam PPPM 2013 –2025.

Kementerian sering mengemaskini kemahiran, pengetahuan dan keupayaan guru mengikut transformasi yang dirancang dalam dasar kerajaan. Kajian oleh Nooraini Abdul Rahim dan Abdul Halim Abdullah (2017) melihat hubungan aspek tingkahlaku dengan PdPc abad ke-21 dalam bilik darjah menyatakan wujud hubungan signifikan antara aspek tingkahlaku dalam pelaksanaan transformasi pendidikan. Sekiranya guru bersedia melalui penerimaan latihan yang secukupnya untuk merealisasikan KPP, maka secara tidak langsung pelaksanaan dasar Kerajaan juga akan berjaya. Analisis data juga menunjukkan korelasi positif yang kuat antara dimensi penilaian konteks dengan dimensi penilaian proses. Maka, terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi guru terhadap dimensi penilaian konteks dengan dimensi penilaian proses dalam pelaksanaan KPP.

Dasar kerajaan sering kali mengalami perubahan berdasarkan keperluan dan keadaan semasa negara. Dari dasar pendidikan berasaskan peperiksaan kepada pendidikan berteraskan kemahiran, perubahan ini sering dipengaruhi oleh saranan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

daripada pelbagai pihak, termasuk guru dan ahli akademik dalam bidang pendidikan. Perubahan yang berterusan dalam sistem pendidikan, dari segi kurikulum, pentaksiran, kaedah pengajaran, dan pengurusan sekolah, kadang-kadang memberi kesan negatif terhadap beban kerja guru, menyebabkan mereka berhadapan dengan cabaran yang lebih besar untuk menyesuaikan diri dengan setiap perubahan.

Dasar perubahan kurikulum yang kerap, seperti perubahan dalam *Kurikulum Standard Sekolah Rendah* (KSSR) dan *Kurikulum Standard Sekolah Menengah* (KSSM), memberi kesan kepada guru. Guru perlu menjalani latihan semula dan menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku. Ini mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran yang sudah terbentuk, menyebabkan tekanan tambahan untuk mengikuti perubahan yang cepat dan kadangkala tidak didalami dengan cukup. Guru perlu mengemaskini rekod dan menyediakan laporan yang mengikut sistem baru. Sebagai contoh, dengan adanya perubahan dalam sistem penilaian pelajar, guru perlu menyediakan pelbagai jenis laporan dan rekod pelajar yang memerlukan masa dan tenaga. Menurut kajian yang dilakukan oleh Siti Noraini & Azlina (2016), guru-guru di Malaysia sering mengadu tentang ketidakstabilan dalam pelaksanaan dasar baru, yang kadang-kadang dilihat sebagai tidak dirancang dengan baik dan tidak mengambil kira beban kerja yang ditanggung oleh mereka. Kajian ini menunjukkan bahawa perubahan yang terlalu kerap tanpa persediaan yang mencukupi boleh menyebabkan peningkatan dalam stres di kalangan guru.

Proses pembelajaran memperlihatkan perkembangan guru mengikut fasa demi fasa sehingga wujudnya perubahan dalam amalan profesional guru. Dapatan kajian oleh Lump, Haney, dan Zerniak (2000) melihat hubungan antara sikap guru dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perubahan dalam pendidikan menunjukkan wujud hubungan signifikan antara sikap guru terhadap perubahan kementerian. Guru yang bersikap positif bersedia untuk mengadaptasikan diri dengan kemahiran yang baru dan pengetahuan yang bersesuaian supaya dapat memenuhi perubahan dalam pendidikan dan bersedia menjalankan dan menyempurnakan tanggungjawab yang diamanahkan.

Dapatan kajian oleh Zohar, Degani, dan Vaakin (2001) pula menyatakan bahawa wujud hubungan yang signifikan antara pemahaman dan proses pelaksanaan dalam perubahan kurikulum sebagai pemangkin dalam proses transformasi pendidikan. Pengetahuan dan kemahiran guru juga dapat menentukan sejauh mana aktiviti berkolabrasi dalam sesuatu mata pelajaran dapat dijalankan dan disampaikan dengan berkesan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Analisis data turut menunjukkan korelasi positif yang kuat antara dimensi penilaian konteks dengan dimensi penilaian produk. Maka, terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi guru terhadap dimensi penilaian produk dengan dimensi penilaian konteks dalam pelaksanaan KPP.

Pendidikan abad ke-21 lebih menekankan keperluan kepelbagaian budaya dengan nilai-nilai murni sebagai keperluan untuk menghadapi cabaran era globalisasi ini. (Partnership for 21st Century Skills,2006). Perkara ini turut disokong dalam PPPM (2013-2025), Dimana ia memberi perhatian kepada kepelbagaian budaya di sekolah melalui aspirasi pembentukan satu identiti nasional yang kukuh melalui penghayatan prinsip Rukun Negara yang diperlukan untuk keharmonian negara. Oleh itu, identiti nasional dan nilai-nilai murni perlu difahami, diterima, dan dihayati (KPM, 2014).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian yang dijalankan oleh para pengkaji lain menyatakan bahawa tingkah laku guru yang berkomitmen mempunyai hubungan yang signifikan dengan tahap pembelajaran murid dari segi pencapaian, hubungan sosial, dan kebolehan berfikir murid (Sukiman Saad et al., 2012). Manakala, kajian yang dijalankan oleh Ainun Rahmah Iberahim, Zamri Mahamod, dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad (2017) mendapati bahawa terdapat hubungan signifikan antara pembelajaran abad ke-21 terhadap sikap, motivasi, dan pencapaian murid. Kajian yang dijalankan untuk melihat sejauh mana pengaruh hasrat KPM mempengaruhi sikap murid terhadap pembelajaran terhadap pelaksanaan KPP mendapati, ianya memberi kesan kepada murid terutamanya dalam pencapaian prestasi mereka.

Kualiti kerja antara guru perempuan dan guru lelaki pula seringkali menjadi perbincangan dalam konteks pendidikan. Namun, penting untuk menekankan bahawa kualiti kerja guru tidak seharusnya diukur hanya berdasarkan jantina. Sebaliknya, ia lebih bergantung kepada pelbagai faktor seperti pengalaman, latihan, komitmen, serta keupayaan peribadi guru tersebut. Kajian menunjukkan bahawa guru perempuan cenderung untuk menunjukkan lebih banyak empati dan kesabaran berbanding guru lelaki. Mereka lebih cenderung untuk memberi perhatian kepada kesejahteraan emosi pelajar dan seringkali dianggap lebih sensitif terhadap keperluan pelajar (Stempfle, 2014).

Guru perempuan cenderung lebih terbuka terhadap penggunaan pendekatan pengajaran yang inovatif dan kreatif, terutamanya dalam penggunaan teknologi dalam kelas. Kajian yang dijalankan oleh Brown & Green (2016) menunjukkan bahawa guru

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

perempuan lebih sering melibatkan diri dalam latihan profesional yang berkaitan dengan teknologi dan pedagogi terkini, yang meningkatkan kualiti pengajaran mereka.

Pengkaji juga mendapati wujud korelasi positif yang kuat antara dimensi penilaian input dengan dimensi penilaian proses. Maka, terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi guru terhadap dimensi penilaian input dengan dimensi penilaian proses dalam pelaksanaan KPP.

Amalan kolaborasi profesional membantu meningkatkan pembelajaran guru khususnya melalui perkongsian pengalaman, pandangan dan pengajaran dalam KPP. Sekiranya kolaborasi terbentuk daripada arahan pihak pentadbir maka ia akan mengurangkan kuasa guru dalam pengajaran serta merosotkan tahap motivasi guru. Amalan seperti ini tidak dapat menjadikan sebagai budaya yang berterusan lalu ini akan turut menjejaskan prestasi sekolah.

Kajian oleh Noor Diyana (2021), menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tahap amalan kepimpinan pengetua dengan tahap amalan KPP guru di sekolah. Ini membolehkan KPM untuk mencapai anjakan keempat dan kelima yang telah digariskan dalam PPPM 2013 –2025. Walaubagaimanapun, Buttram et al. (2016), menyatakan bahawa ketua pentadbir perlu berkomitmen dalam menjalankan KPP dengan meningkatkan pengetahuan dan Kemahiran guru dan mengurus sumber sekolah. Maka pentadbir haruslah mempunyai sifat yang terbuka, berinovasi dan berkreativiti, serta memotivasikan warga sekolah dalam demi prestasi murid yang membina.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Analisis data menunjukkan bahawa wujud korelasi positif yang kuat antara dimensi penilaian input dengan dimensi penilaian produk yang signifikan. Maka, terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi guru terhadap dimensi penilaian input dengan dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan KPP.

Dapatan kajian ini selari dengan kajian oleh Berry, Daughtrey dan Wieder (2010) yang menyatakan kepimpinan guru mempunyai hubungan yang rapat dengan pencapaian akademik pelajar. Kajian ini menegaskan bahawa guru-guru yang berpengalaman dan berkelayakan yang bekerja bersama di sekolah dapat melahirkan ramai pelajar yang mampu mencapai keputusan yang terbaik. Selain itu, hasil dapatan juga menunjukkan bahawa guru yang kurang berpengalaman namun mendapatkan bantuan dan bimbingan daripada rakan sekerja yang lebih berpengalaman dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian yang dijalankan oleh Che Nidzam Che Ahmad& et.al. (2016) berkaitan dengan “Pengaruh Persekitaran Fizikal Bilik Darjah Terhadap Tahap Keselesaan Pengajaran dan Pembelajaran” menunjukkan hubungan yang signifikan antara persekitaran pembelajaran dapat memberi impak kepada hasil pembelajaran murid di sekolah. Kajian ke atas persekitaran pembelajaran menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara persekitaran pembelajaran dengan hasil pembelajaran dan aspek pencapaian. Selain itu, sikap dan cara interaksi sosial murid, menimba pengalaman, menilai pembelajaran kendiri dan membuat maklum balas juga dipengaruhi oleh persekitaran pembelajaran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Analisis data menunjukkan terdapat korelasi positif yang kuat antara dimensi penilaian proses dengan dimensi penilaian produk. Maka, terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi guru terhadap dimensi penilaian proses dengan dimensi penilaian produk dalam pelaksanaan KPP.

5.3.6 Persoalan kajian (6) dan (7): Sejauh mana setiap dimensi penilaian Konteks, Input, dan Proses mempengaruhi dimensi penilaian Produk dan yang mana satu merupakan peramal terbaik dalam pelaksanaan KPP?

Daripada analisis regresi linear berganda yang dijalankan, didapati nilai pekali korelasi adalah 0.480. Di samping itu, baki 52.0% adalah dipengaruhi oleh faktor-faktor yang lain. Dimensi Input merupakan peramal terbesar (b=0.525). Dalam dimensi Input, KPP ditekankan tentang kepentingannya untuk meningkatkan profesionalisme guru. Kualiti guru dilihat sepanjang keberadaan mereka sepanjang menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka sebagai pendidik. KPP perlu ditekankan lagi bagi meningkatkan ilmu guru dalam pelaksanaan KPP di sekolah.

Dapatan ini selari dengan kajian Muhammad Faizal A.Ghani dan Abd. Khalil Adnan (2015) dalam “Model Program Perkembangan Profesionalisme Guru Malaysia: Satu kajian Analisis Keperluan di Sekolah Berprestasi Tinggi dan Sekolah Berprestasi Rendah”. Dapatan kajian menyatakan bahawa keberkesanan pelaksanaan program Pembangunan professional di sekolah berprestasi tinggi mahupun rendah sangat tinggi dan memuaskan. Maka ini menjelaskan bahawa kecekapan guru mestilah diberi keutamaan dan ditingkatkan demi membina budaya pembelajaran professional bagi guru.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian oleh Hanifah et al. (2017) menunjukkan sikap pelajar mampu mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Hal ini bermakna sikap seseorang pelajar berhubungan dengan pencapaiannya sama ada pelajar itu mempunyai sikap yang positif atau sikap yang negatif. Kajian oleh Halimatus (2020) juga menyatakan pencapaian akademik pelajar dipengaruhi oleh sikap dan sahsiah pelajar itu sendiri. Nilai tanggungjawab dan amanah pelajar kepada tugasan yang diberikan mempengaruhi prestasi pencapaian akademik pelajar ke arah yang lebih baik.

Dalam kajian Yusuf, Okanlawon dan Oladay (2017) mendapati bahawa kehadiran pelajar mempengaruhi prestasi akademik pelajar. Hal ini menunjukkan bahawa sekiranya pelajar kerap mengikuti kelas, mereka akan mempunyai prestasi akademik yang baik. Kajian yang dilaksanakan oleh serta Azza dan Puspitasari (2020) menunjukkan kesihatan fizikal dan rohani memberi kesan terhadap prestasi pembelajaran pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian oleh Mohd. Erfy et al. (2019) menyatakan bahawa penglibatan ibu bapa dari segi mendorong dan membantu pelajar membuat kerja rumah ditunjukkan sebagai sesuatu yang dapat memberi kesan yang baik terhadap pencapaian pelajar. Nila (2020) melaporkan bahawa tahap pendidikan ibu bapa mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pencapaian pembelajaran pelajar. Maka masih terdapat faktor-faktor lain yang boleh mempengaruhi prestasi murid.

Peranan ibu bapa dalam menjayakan KPP di sekolah adalah sangat penting kerana mereka memainkan peranan yang besar dalam menyokong perkembangan akademik dan sosial anak-anak mereka. Ibu bapa boleh terlibat dalam aktiviti-aktiviti

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang dilaksanakan oleh pihak sekolah yang berkaitan dengan PLC, seperti mesyuarat ibu bapa-guru atau sesi perbincangan antara ibu bapa dan guru. Ibu bapa boleh membantu meningkatkan keberkesanan PLC dengan menggalakkan anak-anak mereka untuk terus belajar di rumah. Mereka boleh membantu anak-anak mereka dengan menyediakan bahan-bahan pembelajaran tambahan, berbincang mengenai topik-topik yang dipelajari di sekolah, serta memberikan sokongan dalam tugas-tugas yang diberikan oleh guru. Pembelajaran di rumah yang berterusan dapat membantu memperkukuh apa yang telah dipelajari di sekolah.

Kesimpulan

Kesimpulannya, berdasarkan hasil dapatan kajian dan perbincangan kajian, ke semua persoalan kajian telah dijawab. Antaranya adalah:

Dimensi Penilaian Konteks / context (C)

i. Tahap persepsi guru terhadap Hasrat KPM; FPK dan GTP adalah sangat tinggi.

Dimensi Penilaian Input / *Input* (I)

i. Tahap persepsi guru terhadap perkongsian kepimpinan dalam melaksanakan KPP adalah sangat tinggi.
ii. Tahap persepsi guru terhadap perkongsiaan nilai, matlamat, visi dan misi dalam melaksanakan KPP adalah sangat tinggi.
iii. Tahap persepsi guru terhadap aspek perhubungan dalam melaksanakan KPP adalah sangat tinggi.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dimensi Penilaian Proses / *Process* (P)

i. Tahap persepsi guru terhadap perkongsian amalan peribadi dalam melaksanakan KPP adalah sangat tinggi.
ii. Tahap persepsi guru terhadap amalan kolabratif dalam melaksanakan KPP adalah sangat tinggi.
iii. Tahap persepsi guru terhadap tumpuan kepada pembelajaran murid dalam melaksanakan KPP adalah sangat tinggi.
iv. Tahap persepsi guru terhadap dialog reflektif dalam melaksanakan KPP adalah sangat tinggi.
v. Tahap persepsi guru terhadap amalan terbaik pengajaran dalam melaksanakan KPP adalah sangat tinggi.

Dimensi Penilaian Produk / *Product* (P)

i. Tahap persepsi guru terhadap pelaksanaan KPP dalam membantu meningkatkan pencapaian murid adalah sangat tinggi.
ii. Tahap persepsi guru terhadap pelaksanaan KPP dalam membantu meningkatkan penambahbaikan berterusan adalah sangat tinggi.

Saling perhubungan:

i. Terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi guru terhadap dimensi penilaian konteks dengan dimensi penilaian Input dalam pelaksanaan KPP.
ii. Terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi guru terhadap dimensi penilaian konteks dengan dimensi penilaian Proses dalam pelaksanaan KPP.
iii. Terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi guru terhadap dimensi penilaian Konteks dengan dimensi penilaian Produk dalam pelaksanaan KPP.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

iv. Terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi guru terhadap dimensi penilaian Input dengan dimensi penilaian Proses dalam pelaksanaan KPP.

v. Terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi guru terhadap dimensi penilaian Input dengan dimensi penilaian Produk dalam pelaksanaan KPP.

vi. Terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi guru terhadap dimensi penilaian Proses dengan dimensi penilaian Produk dalam pelaksanaan KPP.

Objektif soalan 6 dan 7:

Daripada konteks, Input, dan Proses dapatan menerangkan 48.0% dari varian dimensi Produk. Daripada ketiga-tiga pembolehubah tersebut, hanya dua pembolehubah yang meramal iaitu dimensi Input merupakan peramal terbesar (beta, $\beta = 0.525$). Manakala, dimesi Proses juga menjadi peramal yang signifikan (beta, $\beta = 0.018$).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

5.4 Implikasi Kajian

5.4.1 Implikasi Teori

Pembinaan modul pendidikan, khususnya yang berkaitan dengan KPP di kalangan pendidik, memerlukan pertimbangan yang mendalam terhadap teori yang digunakan. Salah satu elemen utama dalam pembinaan modul adalah pemilihan teori yang relevan dengan konteks budaya tempatan. Dalam konteks pendidikan negara kita, Falsafah Pendidikan Negara (FPN) memainkan peranan penting sebagai panduan utama, dan oleh itu, teori-teori yang dipilih mestilah mencerminkan nilai, budaya, dan prinsip yang terdapat dalam FPN. Ini kerana, teori yang tidak disesuaikan dengan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

budaya tempatan mungkin gagal memberikan impak yang diinginkan dalam membentuk atau meningkatkan keberkesanan pelaksanaan KPP di kalangan pendidik.

Teori Perkembangan Sosial Vygotsky (1989) menawarkan satu pandangan yang sangat relevan dalam konteks ini. Vygotsky menekankan bahawa pembelajaran adalah proses sosial yang berlaku melalui interaksi dan komunikasi dalam komuniti. Teori ini menggalakkan pembelajaran yang berterusan melalui interaksi sosial antara pendidik dan rakan sejawat dalam satu komuniti pembelajaran profesional. Dalam situasi ini, pendidik bukan sahaja berinteraksi dengan pelajar, tetapi juga dengan rakan sejawat mereka untuk berkembang dalam aspek emosi dan sosial.

Salah satu aspek yang sangat penting dalam teori Senge adalah kerjasama dalam pasukan untuk mencapai matlamat bersama. Dalam KPP, teori ini mendorong pembelajaran kolaboratif yang melibatkan ahli komuniti untuk saling memberi sokongan dan idea dalam memperbaiki amalan pendidikan. Keberkesanan KPP juga bergantung kepada sejauh mana ahli-ahli komuniti dapat bekerja bersama untuk mengenal pasti cabaran, mencari penyelesaian, dan menyokong perkembangan profesional mereka dalam suasana yang kondusif.

Kedua-dua teori menekankan bahawa pembelajaran bukan sesuatu yang statik tetapi berkembang sepanjang masa. Melalui KPP, guru dapat terus meningkatkan kualiti pengajaran mereka, menyesuaikan diri dengan perubahan dalam pendidikan, dan membentuk pendekatan yang lebih berkesan. Melalui teori-teori ini, jelas bahawa KPP berfungsi bukan sahaja sebagai tempat untuk meningkatkan kemahiran individu tetapi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

juga sebagai tempat untuk membentuk budaya pembelajaran berterusan yang menyokong pertumbuhan bersama.

5.4.2 Implikasi Praktis

Implikasi terhadap Guru

KPP adalah satu kaedah yang diamalkan dalam dunia pendidikan yang membawa perubahan dan memberi kesan kepada kualiti pedagogi guru yang harus seiring dengan keperluan pendidikan semasa. Maka guru perlu proaktif dalam menambah baik pengetahuan dan kemahiran mereka sepanjang dalam perkhidmatan (Darling-Hammond & McLaughlin, 2011). Guru dapat menambah ilmu pedagogi, metodologi, dan strategi pengajaran melalui perkongsian ilmu dengan rakan sejawat. Guru lebih terbuka untuk bertukar-tukar pandangan, berkongsi bahan pengajaran, serta bekerjasama dalam merancang dan melaksanakan aktiviti pembelajaran yang lebih berkesan. Apabila menghadapi cabaran dalam pengajaran, guru dapat berbincang dan mencari penyelesaian bersama berdasarkan pengalaman dan amalan terbaik. Dengan adanya kolaborasi yang berterusan, kaedah pengajaran yang lebih efektif dapat dilaksanakan, sekali gus meningkatkan pencapaian akademik dan sahsiah murid.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Implikasi terhadap sekolah

Sekolah bukan sekadar tempat mengajar, tetapi menjadi pusat pembelajaran bagi guru dan pentadbir. Cabaran yang pelbagai menjadi satu kejutan kepada para pendidik. KPP merupakan elemen penting untuk diaplikasikan dalam komuniti sekolah bagi membangunkan prestasi akademik murid. Pengurusan sekolah lebih terbuka kepada idea baharu dan inovasi dalam pendidikan. Sekolah yang mengamalkan PLC secara konsisten sering menunjukkan peningkatan dalam keputusan peperiksaan. Kajian menunjukkan bahawa sekolah dengan budaya PLC yang kuat mempunyai kadar pencapaian akademik lebih tinggi berbanding sekolah yang tidak mengamalkannya. Pentadbiran sekolah menggunakan hasil perbincangan dalam PLC untuk merancang strategi pembangunan sekolah. Secara keseluruhannya, PLC memberi implikasi positif yang besar terhadap sekolah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Implikasi Terhadap PPD

PPD perlu memainkan peranan sebagai fasilitator dalam menyediakan latihan, bimbingan, dan sumber bagi memastikan guru dapat mengamalkan PLC dengan efektif. PPD boleh menganjurkan bengkel berkaitan amalan KPP, seperti Lesson Study, Professional Learning Teams (PLT) dan kajian tindakan bagi membimbing guru dalam memperkukuh amalan profesional mereka. PPD boleh menggunakan data dan hasil dapatan daripada KPP sebagai asas dalam pemantauan keberkesanan sekolah dan pengajaran. PPD dapat mengenal pasti sekolah yang memerlukan intervensi berdasarkan analisis keberhasilan KPP, seterusnya menyediakan sokongan yang lebih

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

berfokus dan bersasar. Jika dapatan dari KPP menunjukkan kelemahan dalam literasi dan numerasi, PPD boleh menggerakkan program sokongan. PPD dapat berperanan sebagai penghubung dalam menggalakkan perkongsian amalan terbaik antara sekolah-sekolah di dalam daerah. Dengan adanya komuniti pembelajaran antara sekolah, sekolah yang lebih cemerlang dapat membantu sekolah lain dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. PPD boleh menganjurkan jaringan PLC antara sekolah-sekolah dalam daerah bagi membolehkan guru berkongsi strategi pengajaran berkesan dan hasil kajian tindakan.

5.5 Cadangan Kajian

Walaupun penilaian pelaksanaan KPP di sekolah rendah dalam daerah Petaling Perdana menggunakan model penilaian KIPP, namun pengkaji baharu masih boleh menambah baik batasan atau kekurangan yang terdapat dalam kajian ini pada masa hadapan. Antara cadangan untuk kajian lanjutan ialah:-

i. Pengkaji baharu diharap akan menjalankan kajian dari persepsi murid, penyelaras KPP, dan pentadbiran sekolah agar dapat menilai dengan lebih tepat dan jitu berkaitan pelaksanaan KPP. Ini kerana kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini hanyalah dari persepsi guru Matematik yang terlibat dengan pelaksanaan KPP sahaja.

ii. Pendekatan kualitatif atau m*ix methods* boleh dijadikan sebagai pilihan utama untuk menjalankan kajian oleh pengkaji baharu supaya dapat lebih memahami dan mendalami pelaksanaan KPP. Temubual merupakan instrumen kajian yang membantu responden memberi pendapat atau kenyataan dengan lebih bebas tanpa bantasan. Maka pengkaji akan lebih mendalami tentang pelaksanaan KPP.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

